



BAHASA MELAYU (PROGRAM KHAS) SUKATAN PELAJARAN 2006 SEKOLAH MENENGAH

Perlaksanaan bermula dengan
kohort Menengah 1 tahun 2006



Ministry of Education
SINGAPORE

© Copyright 2006 Curriculum Planning and Development Division. This publication is not for sale. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced without the prior permission of the Ministry of Education Singapore.

Kata Pengantar

Sukatan pelajaran ini merupakan dokumen yang memperincikan matlamat Bahasa Melayu (Program Khas) yang bertepatan dengan Hasil Pendidikan yang Diingini. Sukatan pelajaran ini juga menyediakan pelajar menengah menghadapi arus globalisasi pada abad ke-21.

Sukatan pelajaran ini membolehkan guru memperoleh perspektif yang menyeluruh mengenai program ini. Matlamat Bahasa Melayu (Program Khas) adalah untuk membina kecekapan berbahasa pelajar dalam bahasa Melayu. Dari itu, sukatan pelajaran ini dibina dan disusun berdasarkan penggunaan bahasa dalam konteks. Fokus utama program ini adalah mengupayakan pelajar menggunakan bahasa secara lisan dan tulisan dalam pelbagai situasi, khalayak dan bagi pelbagai tujuan.

Sukatan pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) 2006 menggariskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh pelajar berasaskan pendekatan komunikatif. Ini dijelaskan dalam bahagian pengajaran dan pembelajaran. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan dengan jelas melalui pernyataan hasil pembelajaran umum dan khusus mengikut tahap pembelajaran dan peringkat pelajar. Pernyataan tersebut disusun berdasarkan kemahiran bahasa yang asas sesuai dengan peringkat pelajar dan diajarkan secara integratif. Hasil pembelajaran umum disusun pada peringkat utama, iaitu peringkat menengah 2 dan 4. Manakala, hasil pembelajaran khusus disusun dari peringkat menengah 1 sehingga peringkat menengah 4.

Pelajaran bahasa diajarkan melalui domain berdasarkan konteks dan situasi. Pada peringkat awal, pelajar didedahkan dengan penggunaan bahasa berkenaan dengan hal-hal peribadi dan harian sebelum bergerak kepada topik-topik yang lebih umum. Guru mempunyai autonomi untuk memilih topik-topik yang sesuai dan memberikan peluang kepada pelajar untuk menggunakan bahasa yang sesuai dengan persekitaran sosial yang menjadi latar kepada sesuatu wacana.

Dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penekanan haruslah diberikan juga kepada kemahiran-kemahiran merentas kurikulum seperti kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat, komunikasi dan kepelbagaian kecerdasan. Penekanan ini bertujuan untuk memenuhi keperluan dan kebolehan pelajar yang berbeza-beza. Di samping itu, nilai murni, pendidikan nasional dan semangat kewarganegaraan diajarkan melalui penyerapan. Diharapkan para pelajar berupaya mengaplikasikan semua elemen ini dalam kehidupan seharian dan dunia pekerjaan.

Akhir kata, semoga Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) akan dapat memenuhi keperluan guru menyediakan skema pengajaran dengan berkesan berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan. Diharap juga sukatan pelajaran ini dapat membina dan mengembangkan kecekapan para pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu dalam menggunakan bahasa Melayu dengan betul.



CAWANGAN BAHASA DAN KESUSASTERAAAN MELAYU
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENGEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN SINGAPURA
JANUARI 2006

Hakcipta terpelihara.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

MATLAMAT DAN OBJEKTIF PROGRAM

PRINSIP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA

**MODEL PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
(PROGRAM KHAS)**

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

**PENGAJARAN TATABAHASA, KOSA KATA DAN
PERIBAHASA**

PEMERANCAHAN PENGAJARAN

AKTIVITI

TUGASAN

BAHAN PENGAJARAN

PENILAIAN

PERANCANGAN PELAJARAN

LAMPIRAN A - N

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi bagi Singapura dan negara-negara jiran di rantau Nusantara, iaitu Malaysia, Indonesia dan Negara Brunei Darussalam. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa komunikasi oleh penduduk-penduduk di rantau Nusantara ini yang kaya dengan pelbagai budaya.

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang signifikan kerana:

- peranan dan pengaruh politik, ekonomi dan sosio-budaya yang dimainkan oleh bahasa Melayu itu sendiri khususnya di rantau ini;
- bahasa Melayu merupakan bahasa penyatuan dalam masyarakat yang berbilang budaya di kawasan Nusantara; dan
- peranan dan pengaruh bahasa Melayu terhadap warisan budaya dan agama dalam dunia moden yang dikongsi bersama oleh alam Melayu dengan dunia.

Dengan mengetahui dan memahami bahasa Melayu, perspektif seseorang terhadap nilai, adat dan tradisi orang Melayu akan menjadi lebih baik. Ini dapat menimbulkan perasaan saling memahami dan meningkatkan semangat setia kawan dalam kalangan masyarakat majmuk di Singapura.

Selaras dengan Dasar Pendidikan Singapura dan falsafah Pendidikan Berteraskan Keupayaan yang bertujuan untuk membina bakat dan keupayaan pelajar semaksimum mungkin, Bahasa Melayu Elektif sebagai bahasa ketiga diperkenalkan pada tahun 1986. Pada tahun 2000, program ini dikenali pula sebagai Bahasa Melayu (Program Khas). Program ini menawarkan peluang kepada pelajar yang mempunyai minat, kecenderungan dan keupayaan linguistik untuk mempelajari bahasa ketiga selain bahasa ibunda mereka.

Bahasa Melayu (Program Khas) ditawarkan kepada semua pelajar Menengah 1 pelbagai aliran kursus, iaitu pelajar dari Kursus Khas, Kursus Ekspres dan Kursus Normal (Normal Akademik). Para pelajar ini belum pernah mempelajari Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran teras di peringkat sekolah rendah. Jangka masa kursus ini ialah empat tahun. Pada akhir menengah empat, pelajar akan menduduki Kertas Peperiksaan GCE Peringkat Biasa.

Diharapkan dengan mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga, para pelajar bukan Melayu berupaya untuk berkomunikasi lebih daripada satu bahasa dan hal ini memberikan peluang kepada mereka untuk mempelajari dan memahami adat, kesenian, sastera, sosio-budaya, sejarah, tamadun dan alam penutur jati bahasa Melayu dalam pelbagai perspektif. Mereka juga diharapkan dapat mengaitkan aspek-aspek tersebut dengan budaya mereka sendiri dan memupuk kesedaran dan rasa peka terhadap kepelbagaian budaya dan bahasa kaum lain. Selain itu, mereka lebih berpeluang untuk meningkatkan keperibadian,

kekaryawanan dan meraih keuntungan dari sudut ekonomi dan sosial melalui hubungan diplomatik dan perdagangan dengan jiran-jiran ASEAN.

MATLAMAT PROGRAM

Matlamat Bahasa Melayu (Program Khas) adalah untuk membina kecekapan berkomunikasi pelajar dan membina pemahaman pelajar tentang sosio-budaya masyarakat Melayu di Singapura dan di rantau Nusantara melalui pembelajaran Bahasa Melayu.

OBJEKTIF PROGRAM

Pada akhir pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) pelajar dapat:

- ② menggunakan bahasa Melayu dengan betul secara lisan dan tulisan dalam pelbagai situasi, tujuan dan khalayak;
- ② menggunakan pelbagai strategi dan kemahiran termasuk kemahiran berfikir dan menggunakan teknologi maklumat untuk memaksimumkan keberkesanan pembelajaran dan komunikasi; dan
- ② memahami dan mengenali budaya dan tradisi masyarakat Melayu.

PRINSIP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA

Selain berlandaskan Hasil Pendidikan yang Diingini, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berpegang pada enam prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa. Prinsip inilah yang menjadi dasar dalam penyediaan skema pengajaran, rancangan pengajaran dan bahan pengajaran. Huraian bagi setiap prinsip adalah seperti yang berikut:

Berpusatkan Pelajar

Pengajaran dan pembelajaran haruslah berpusatkan pelajar bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri agar pelajar dapat membina keyakinan berbahasa. Pendekatan pengajaran, perancangan pelajaran dan bahan pengajaran dipelbagaikan untuk memenuhi keperluan dan keperluan pelajar bagi memastikan pelajar dapat mencapai hasil pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar juga memberi peluang kepada pelajar untuk maju mengikut kadar keperluan mereka.

Berorientasikan Proses

Kemahiran bahasa merupakan kemahiran yang mengutamakan proses dan bukan pada produk sahaja. Pengajaran dan aktiviti yang berorientasikan proses memberikan peluang kepada pelajar untuk membina kemahiran berkomunikasi. Pelajar mendalami kemahiran bahasa apabila diberi pengalaman dalam pelbagai konteks dan situasi secara kumpulan, pasangan atau individu.

Penggabungjalinan

Penggabungjalinan bertujuan untuk menggalakkan pengajaran dan pembelajaran sesuatu kemahiran atau aspek bahasa secara bersepadu. Penggabungjalinan kemahiran, aspek bahasa, bahan pengajaran, dan strategi pengajaran dan pembelajaran menjadikan aspek-aspek pembelajaran saling melengkapi. Proses penggabungan bertujuan untuk menimbulkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan, menarik dan bermakna dan memberikan peluang kepada pelajar untuk menguasai beberapa kemahiran secara serentak.

Konteks

Kaedah pembelajaran kontekstual mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian pelajar dan hubungannya dengan keluarga dan masyarakat. Selain itu, kemahiran asas bahasa, tata bahasa, kosa kata dan peribahasa perlu dipelajari dalam konteks penggunaan bahasa yang sesuai dengan tujuan, khalayak, situasi dan budaya. Pengajaran dan pembelajaran aspek-aspek ini tidak dilakukan secara tersendiri tetapi dikenalkan dalam satu wacana komunikatif.

Pembelajaran secara kontekstual membolehkan pelajar memahami fungsi aspek bahasa yang dipelajari dengan berkesan di samping berupaya menghubungkan pengetahuan baharu yang diperoleh secara bermakna.

Pemerancahan

Pemerancahan dalam pengajaran dan pembelajaran bertujuan untuk memberikan sokongan kepada para pelajar dalam pembelajaran. Dalam pengajaran bahasa, guru perlu memberikan sokongan untuk membantu pelajar membina kemahiran, pemahaman, konsep dan keupayaan yang baharu sebelum pelajar dapat belajar secara sendiri. Ringkasnya, guru lebih bertindak sebagai pemudah cara. Pengajaran bertitik tolak daripada perkara yang konkrit kepada yang abstrak atau daripada yang mudah kepada yang payah.

Komunikasi


Pelajar perlu diberi peluang untuk berkomunikasi dan melibatkan diri dalam pembelajaran secara aktif. Penglibatan pelajar penting dalam pembelajaran bahasa kerana pelajar berpeluang untuk melahirkan idea dan perasaan mereka melalui komunikasi dengan teman sebaya. Penglibatan sebegini juga dapat memperkukuh keyakinan diri pelajar dan mempererat hubungan sosial dalam kalangan pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya dan agama.

MODEL PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU (PROGRAM KHAS)

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) berdasarkan perkara-perkara yang berikut:

- ✚ pelajar menjadi tumpuan utama dalam pengajaran dan pembelajaran
- ✚ hasil pembelajaran
- ✚ empat kemahiran asas bahasa
- ✚ sistem bahasa
- ✚ domain pembelajaran
- ✚ elemen-elemen sosio-budaya
- ✚ pengisian dan inisiatif merentas kurikulum

Keenam-enam perkara ini dapat digambarkan melalui rajah yang berikut.



Model Pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas)

Berpusatkan Pelajar

Pelajar menjadi tumpuan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan dan bahan pengajaran yang digunakan haruslah disesuaikan dengan keperluan, keupayaan dan gaya belajar setiap pelajar untuk membolehkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran dengan berkesan.

Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran merupakan pernyataan umum yang membentuk asas program ini. Setiap hasil pembelajaran diuraikan dengan terperinci dan secara berurutan dan perlu dicapai oleh pelajar dari Menengah 1 hingga Menengah 4. Melalui hasil pembelajaran, pelajar tahu tahap yang perlu dicapainya ketika mengikuti program ini.

Untuk mencapai hasil pembelajaran ini, guru perlu menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan prinsip-prinsip yang disebut dalam bahagian prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pelajar perlu diberi peluang untuk meneroka, membina dan menggunakan strategi komunikasi, strategi pembelajaran, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menggunakan teknologi serta memahami sistem bahasa dan aspek sosiolinguistik dalam lingkungan penggunaan bahasa.

Sukatan pelajaran ini menyediakan hasil pembelajaran umum (Jadual 1) yang perlu dicapai oleh setiap pelajar pada peringkat utama, iaitu menengah 2 dan 4.

Jadual 1: Hasil Pembelajaran Umum

TAHAP	HASIL PEMBELAJARAN
Menengah 2	Pada akhir menengah 2, pelajar dapat berkomunikasi secara lisan dan tulisan tentang hal-hal peribadi dan harian. Pelajar dapat: ▪ mendengar, memahami dan mengenal pasti penyampaian lisan tentang topik-topik yang sudah dipelajari ▪ bertutur dengan lancar dengan atau tanpa persediaan dalam konteks dan situasi yang sudah dipelajari ▪ membaca dan memahami teks naratif dan deskriptif yang mudah berkenaan dengan hal-hal peribadi dan harian ▪ menulis teks naratif dan deskriptif dengan panduan tentang topik-topik berdasarkan konteks dan situasi yang sudah dipelajari.

TAHAP	HASIL PEMBELAJARAN
Menengah 4	Pada akhir menengah 4, pelajar dapat berkomunikasi secara lisan dan tulisan tentang pelbagai topik. Pelajar dapat: ▪ mendengar dan memahami penyampaian lisan tentang pelbagai topik yang sudah dipelajari dalam pelbagai situasi dan konteks ▪ bertutur dengan lancar tentang pelbagai topik dalam pelbagai situasi dan konteks ▪ membaca dan memahami teks naratif, deskriptif dan ekspositori dan memberikan respons yang sesuai ▪ menulis teks naratif dan deskriptif dengan atau tanpa panduan tentang topik-topik yang diminati dalam pelbagai situasi dan konteks.

Hasil Pembelajaran Khusus (Jadual 2) merupakan perincian kecekapan berbahasa bagi Hasil Pembelajaran Umum. Hasil pembelajaran khusus disediakan bagi peringkat menengah 1-4. Hasil pembelajaran khusus ini disediakan agar setiap pembinaan kemahiran dilakukan secara bertahap-tahap sesuai dengan kesediaan dan peringkat pelajar. Di samping itu, guru dan pelajar boleh mengukur perkembangan pencapaian pada setiap peringkat bagi setiap kemahiran. Hasil pembelajaran khusus disusun dari peringkat mudah ke peringkat yang lebih sukar, dan harus dikuasai oleh pelajar bagi setiap peringkat sebelum pelajar beralih kepada kemahiran selanjutnya.

Hasil pembelajaran khusus ini diuraikan dalam bentuk deskriptor. Setiap deskriptor menjelaskan tahap kelakonan yang perlu dikuasai oleh pelajar. Deskriptor ini mempunyai fungsi untuk membantu:

- guru menyediakan rancangan pengajaran dan objektif pengajaran dan pembelajaran
- guru memilih kandungan, strategi, sumber dan prosedur pengajaran dan pembelajaran
- guru menilai pengajaran dan membuat penyesuaian untuk mencapai objektif pengajaran
- pelajar mengatur strategi pembelajaran
- pelajar menilai pencapaiannya.

Hasil pembelajaran bagi aspek sosio-budaya pula diuraikan secara umum dalam halaman 18.

Jadual 2: Hasil Pembelajaran Khusus

Pada akhir setiap peringkat, pelajar dapat:

Kemahiran	Menengah 1	Menengah 2	Menengah 3	Menengah 4
Mendengar	1.1 mengenal pasti bunyi dan mengaitkannya dengan ejaan	2.1 mengenal pasti makna perkataan dan frasa berdasarkan sebutan dan intonasi dalam konteks penggunaannya seperti dalam arahan dan perbualan yang mudah	3.1 mengenal pasti makna perkataan dan frasa berdasarkan sebutan dan bunyi yang digunakan dalam teks cerita yang mudah	4.1 mengenal pasti makna perkataan dan frasa berdasarkan sebutan dan bunyi yang digunakan dalam pelbagai teks bagi pelbagai konteks yang sudah dipelajari
	1.2 mengenali perkataan dan frasa yang berkaitan dengan diri, keluarga dan rakan	2.2 mengenal pasti kosa kata yang digunakan untuk menerangkan hal-hal peribadi (contohnya: diri sendiri, keluarga dan kawasan tempat tinggal)	3.2 mengenal pasti idea utama dalam pertuturan tentang hal-hal harian atau peristiwa yang berkaitan dengan sekolah, kegiatan masa senggang, minat, hobi dan pekerjaan	4.2 menyatakan idea utama penyampaian yang mengandungi maksud yang literal atau inferens
	1.3 mengenal pasti idea utama dalam mesej atau pengumuman yang ringkas dengan panduan	2.3 mengenal pasti idea utama dan isi sampingan daripada rakaman yang didengar dengan panduan	3.3 menyusun idea utama dan idea sampingan daripada rakaman yang didengar berkenaan dengan topik-topik yang diminati	4.3 menerangkan idea utama dan idea sampingan pelbagai teks berdasarkan konteks menggunakan laras bahasa yang sesuai

Kemahiran	Menengah 1	Menengah 2	Menengah 3	Menengah 4
Bertutur	1.4 menyebut perkataan dan frasa dengan betul dalam sebutan baku yang berkaitan dengan konteks peribadi dan hal-hal harian 1.5 menggunakan kosa kata dan frasa yang sesuai dengan konteks yang berkaitan dengan hal-hal peribadi 1.6 menyatakan kehendak seperti meminta izin dan memberikan arahan 1.7 menggunakan kosa kata dan ayat yang sesuai dalam amalan giliran bertutur seperti meminta perhatian, memulakan dan mengakhiri interaksi bersemuka berkenaan hal-hal peribadi	2.4 bertutur tentang hal-hal peribadi atau harian dengan menggunakan ayat mudah dan sebutan baku serta intonasi yang sesuai 2.5 menggunakan kosa kata dan frasa yang sesuai dengan konteks yang berkaitan dengan hal-hal peribadi dan umum 2.6 memberikan respons kepada permintaan yang berkaitan dengan hal-hal peribadi dan harian 2.7 menggunakan pelbagai kosa kata dan ayat yang sesuai dalam amalan giliran bertutur seperti meminta perhatian, memulakan dan mengakhiri interaksi bersemuka berkenaan hal-hal harian	3.4 bertutur tentang topik-topik yang diminati dengan lancar menggunakan sebutan baku dan intonasi yang sesuai 3.5 menggunakan kosa kata yang sesuai dan ayat yang betul untuk menyatakan idea tentang pelbagai topik 3.6 menyatakan penghargaan atau persetujuan yang berkaitan tentang topik yang dibincangkan dengan menggunakan ayat-ayat yang betul 3.7 menggunakan pelbagai kosa kata dan ayat dalam amalan giliran untuk mencelah dalam interaksi bersemuka berkenaan pelbagai topik yang dibincangkan	4.4 bertutur tentang pelbagai topik dengan lancar dan yakin menggunakan sebutan baku dan intonasi yang sesuai 4.5 menggunakan pelbagai kosa kata dan ayat untuk menyatakan idea atau memberikan pandangan tentang pelbagai topik 4.6 menyatakan persetujuan, pemahaman dan sokongan dengan contoh yang sesuai tentang topik yang dibincangkan dengan menggunakan ayat-ayat yang betul 4.7 menggunakan pelbagai kosa kata dan ayat yang sesuai dan mengekalkan amalan giliran bertutur dalam interaksi bersemuka tentang pelbagai topik

Kemahiran	Menengah 1	Menengah 2	Menengah 3	Menengah 4
	1.8 berkomunikasi tentang keluarga, kegiatan sekolah, kenalan, dan hal-hal peribadi 1.9 bercerita berkenaan topik yang sudah dipelajari seperti keluarga, kawan-kawan, subjek yang digemari dan aktiviti masa senggang	2.8 berkomunikasi untuk melaksanakan tugas-tugas yang memerlukan pertukaran maklumat berkenaan hal-hal harian 2.9 bercerita berkenaan topik-topik yang diminati dengan menggunakan ayat yang betul dan intonasi yang sesuai	3.8 berinteraksi dalam beberapa situasi dengan penutur jati menggunakan ayat-ayat yang betul 3.9 bercerita tentang pengalaman, peristiwa, cita-cita, harapan dan isu-isu semasa yang diminati dengan menggunakan pelbagai ayat yang betul dan intonasi yang sesuai	4.8 berinteraksi dalam pelbagai tujuan dan situasi dengan penutur jati menggunakan ayat-ayat yang sesuai secara lancar 4.9 menyampaikan pandangan dan alasan yang munasabah tentang topik-topik yang diminati dengan menggunakan pelbagai ayat yang betul dan intonasi yang betul
Membaca	1.10 menyebut perkataan dan frasa menggunakan sebutan baku 1.11 mengecam idea utama ayat mudah dengan berpandu termasuk teks ringkas seperti arahan, papan tanda, panduan, pengumuman, notis dan prosedur, jadual televisyen dan poster	2.10 membaca ayat-ayat mudah atau teks mudah seperti nota dan dialog dengan menggunakan sebutan baku dan intonasi yang betul 2.11 menyatakan idea utama dalam teks (naratif, deskriptif, dialog) bercetak atau media elektronik tentang hal-hal peribadi	3.10 membaca teks berita, iklan dengan menggunakan sebutan baku dan intonasi yang betul 3.11 menyatakan idea utama dan idea sampingan teks naratif dan deskriptif (naratif, deskriptif, dialog) bercetak atau media elektronik yang berkaitan dengan topik-topik yang diminati dan hal-hal harian	4.10 membaca teks naratif dan deskriptif dengan menggunakan sebutan baku dan intonasi yang betul dan secara lancar 4.11 mengkategorikan idea utama dan idea sampingan pelbagai teks termasuk berita, ucapan dan laporan yang berkaitan dengan hal-hal harian

Kemahiran	Menengah 1	Menengah 2	Menengah 3	Menengah 4
	1.12 memberikan respons kepada soalan aras rendah (menyatakan isi-isi penting, menyenaraikan fakta, menyatakan urutan)	2.12 memberikan respons kepada soalan pemahaman literal seperti mengenal pasti beberapa persamaan dan perbezaan dan hubungan sebab dan akibat	3.12 memberikan respons kepada soalan literal, inferens dan penilaian dengan memberikan contoh-contoh yang munasabah	4.12 memberikan respons kepada soalan inferens, penilaian dan analisis dengan memberikan contoh-contoh dan kesimpulan yang munasabah menggunakan bahasa yang betul
Menulis	1.13 mengisi butir-butir tentang peribadi, keluarga, kenalan dalam borang 1.14 menulis nota, mesej, brosur atau kad untuk menyampaikan ucapan selamat, kehendak, pesanan, arahan atau informasi	2.13 menulis ayat-ayat yang betul untuk membina perenggan yang ringkas berkenaan hal-hal peribadi dengan berpandu 2.14 menulis dialog tentang perkara-perkara yang sudah dipelajari dengan berpandu	3.13 menulis karangan naratif dan deskriptif menggunakan ayat-ayat yang betul dengan berpandu 3.14 menulis surat tidak rasmi untuk mengucapkan terima kasih, meminta maaf, menceritakan peristiwa-peristiwa harian dan peribadi	4.13 menulis karangan naratif, deskriptif dan ekspositori tentang pelbagai topik menggunakan perenggan dan pelbagai ayat yang betul 4.14 menulis surat tidak rasmi untuk menyatakan pendapat/pandangan dan memberikan contohan yang sesuai dengan berpandu

Kemahiran Bahasa

Kemahiran Bahasa yang asas merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran bahasa ini merupakan teras pemerolehan dan penguasaan bahasa baku. Huraian bagi setiap kemahiran bahasa adalah seperti yang berikut.

- *Kemahiran Mendengar* merujuk kepada keupayaan pelajar mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan seperti perbincangan, ucapan, lakonan, dan temu bual. Murid juga berupaya memberikan tindak balas yang wajar.
- *Kemahiran Bertutur* merujuk kepada keupayaan pelajar mengajukan pertanyaan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, dan idea secara lisan dengan sebutan baku, intonasi dan jeda yang betul. Penekanan diberikan kepada kesantunan dalam pengucapan dan penggunaan tatabahasa yang betul.
- *Kemahiran Membaca* merujuk kepada keupayaan pelajar membaca dengan sebutan baku, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Aspek pemahaman pelbagai bahan yang dibaca dan memberikan respons yang wajar perlu diberikan penekanan.
- *Kemahiran Menulis* merujuk kepada keupayaan pelajar menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, tulisan yang jelas dan kemas serta teknik penulisan yang pelbagai. Pelajar digalakkan juga untuk menggunakan kreativiti dalam penulisan.

Sistem Bahasa

Sistem Bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, ejaan, tanda baca, kosa kata, sebutan dan intonasi dan peribahasa. Aspek tatabahasa merangkumi morfologi dan sintaksis manakala aspek kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penerangan ringkas bagi perkara tersebut dinyatakan seperti yang berikut.

1. Tatabahasa

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

a. Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan bentuk dan fungsi:

i. Bentuk kata terdiri daripada:

- bentuk kata tunggal
- bentuk kata terbitan
- bentuk kata majmuk
- bentuk kata ganda

ii. Proses pembentukan kata bahasa Melayu meliputi:

- pengimbuhan
- penggandaan
- pemajmukan

iii. Golongan kata terdiri daripada :

- kata nama
- kata kerja
- kata adjektif
- kata tugas

b. Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan ialah:

- i. unsur utama ayat yang terdiri daripada kata, frasa dan pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat
- ii. jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan
- iii. ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif
- iv. susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang
- v. binaan ayat, iaitu ayat dasar, ayat tunggal dan ayat majmuk.

2. Sistem Ejaan

Perkara yang ditekankan ialah:

- i. pola keselarasan huruf vokal
- ii. ejaan kata pinjaman
- iii. ejaan kata terbitan

3. Aspek Tanda Baca

Perkara yang diberikan perhatian ialah:

- i. penggunaannya dalam bentuk ayat
- ii. penggunaannya dalam bentuk bukan ayat

4. Kosa Kata

Kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu dipertingkatkan dan diperkembang selaras dengan pertambahan ilmu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah.

5. Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya pelajar dapat menyebut dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya pelajar dapat menyampaikan sesuatu makna dengan tepat berdasarkan konteks dan situasi. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.

6. Peribahasa

Peribahasa, kata-kata hikmat dan bahasa kiasan perlu diajarkan dalam konteks. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan keperibadian dan nilai murni masyarakat Melayu, negara dan masyarakat majmuk di Singapura.

Domain Pembelajaran

Bahasa digunakan berdasarkan konteks sesuatu situasi dalam domain kehidupan sosial. Konteks menentukan situasi, tujuan, fungsi, tugas, tema dan teks untuk pengajaran dan penilaian. Pemilihan domain perlulah bersesuaian dan bertepatan dengan kehendak dan keperluan masa hadapan. Guru perlu memilih domain yang dapat menarik minat pelajar dengan mengambil kira tahap kognitif pelajar.

Jumlah domain tiada hadnya. Namun, untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa, ada baiknya jika beberapa domain dikenal pasti untuk memastikan pelajar terdedah kepada pelbagai konteks. Domain yang disarankan ialah:

Domain Peribadi

Domain ini merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan peribadi individu, berpusat pada kehidupannya di rumah bersama keluarga dan kenalan, aktiviti yang dilakukan olehnya seperti hobi, aktiviti riadah, minat dan sebagainya.

Domain Masyarakat

Domain ini merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan individu dan hubungannya sebagai anggota masyarakat, juga melibatkan aktiviti harian atau yang bersangkutan-paut dengan kehidupan sosialnya dalam masyarakat itu.

Domain Pendidikan dan Pekerjaan

Domain ini merujuk kepada bagaimana individu itu menimba maklumat dan pengetahuan dalam pelbagai bidang seperti budaya tempatan dan kawasan serantau, peradaban, adat, negara dan kewarganegaraan, kesenian, sains dan teknologi dan menggunakan maklumat dan pengetahuan dalam bidang-bidang pekerjaan yang diminati.

Domain-domain ini boleh saling bertindan. Contohnya, lingkungan peribadi boleh berkenaan perbuatan seorang individu dalam domain yang lain. Maka, tugas atau aktiviti yang menentukan peranan yang perlu dimainkan oleh pelajar. Guru perlu menimbangkan domain yang sesuai dengan kehendak dan keperluan program ini.

Dalam setiap domain, situasi luaran perlu dikenal pasti untuk disesuaikan dengan kemahiran yang hendak diajar. Situasi luaran adalah seperti yang berikut:

- lokasi dan masa
- institusi atau organisasi
- orang yang terlibat
- objek yang terdapat dalam sekitaran
- peristiwa
- aktiviti yang dilakukan oleh orang yang terlibat.

Keupayaan pelajar berkomunikasi dengan berkesan dan menjalankan tugas-tugas berdasarkan konteks dan situasi ini bukan hanya bergantung kepada situasi luaran ini tetapi juga pada tahap kematangan, latar belakang pendidikan dan pengalaman yang relevan.

Dalam peristiwa komunikasi, guru perlu mengambil kira peranan interlokutor. Situasi yang berbeza memerlukan pelajar bertindak balas dalam keadaan yang sesuai. Pelajar perlu diajar cara untuk menyesuaikan diri dengan

keadaan. Guru perlu memberikan peluang kepada pelajar untuk berlatih dalam keadaan yang autentik untuk membina tahap penyesuaianannya.

Domain pembelajaran juga boleh disentuh dari sudut tema atau topik yang memberikan penekanan kepada aktiviti komunikasi tersebut. Topik bolehlah dikategorikan dalam pelbagai cara. Salah satu cara ialah mengkategorikan topik kepada subtopik berdasarkan fungsi. Contohnya:

1. hal peribadi
2. tempat tinggal
3. kegiatan seharian
4. aktiviti masa senggang
5. melancong
6. hubungan dengan orang lain
7. kesihatan
8. pendidikan
9. membeli-belah
10. makanan dan minuman
11. perkhidmatan
12. tempat-tempat menarik
13. bahasa
14. cuaca

Topik-topik tersebut boleh dipecahkan kepada subtopik. Contohnya, aktiviti masa senggang (nombor 4) boleh dipecahkan kepada subtopik yang berikut:

- aktiviti masa lapang
- hobi dan minat
- radio dan televisyen
- panggung wayang, konsert, teater
- pameran, muzium
- kesenian
- sukan

Aspek Sosio-budaya

Dalam pembelajaran sesuatu bahasa, pelajar didedahkan kepada peraturan-peraturan sosiolinguistik dan juga peraturan budaya. Setiap komuniti mempunyai peraturan-peraturan sosial dalam penggunaan bahasa. Peraturan ini bertindak untuk mengawasi agar hubungan antara individu tetap terpelihara dan tidak berlaku keadaan yang tidak diingini seperti salah faham. Ini bermakna bahawa butir-butir bahasa yang digunakan itu hendaklah kena dengan faktor-faktor yang melatari orang-orang yang terlibat dalam sesuatu peristiwa bahasa, contohnya, kedudukan orang yang diajak bercakap serta juga apa yang hendak diperkatakan. Aspek sosio-budaya seperti sistem panggilan, nilai, kehalusan bahasa dan etika pergaulan dalam budaya Melayu diterapkan secara integratif dalam bahan pengajaran.

Melalui Bahasa Melayu (Program Khas), pelajar diharapkan dapat:

- Ⓜ Mengenal pasti peraturan sosio-budaya di rumah dan dalam budaya Melayu
 - Mengetahui dan menggunakan sistem panggilan
 - Mengetahui cara menegur sapa atau memberikan ucap selamat penutur jati
- Ⓜ Mengenal ciri-ciri perayaan orang Melayu dan masyarakat majmuk Singapura dan membuat perbezaan serta persamaan
- Ⓜ Mengenal aspek budaya orang Melayu dalam kehidupan seharian seperti pakaian, permainan, aktiviti masa senggang, sukan, makanan, hiburan, kesenian, majlis keramaian dan alat muzik
- Ⓜ Mengenal nilai dan pengajaran dalam teks prosa dan puisi
- Ⓜ Mengenal negara jiran yang mengamalkan budaya Melayu
 - Mengenal aspek-aspek budaya dalam kehidupan harian di negara jiran
- Ⓜ Menggunakan peribahasa dan ungkapan dalam konteks.

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai masyarakat Singapura harus diterapkan dengan terancang sama ada secara langsung atau tidak langsung dan dilanjutkan di peringkat antarabangsa selaras dengan keperluan globalisasi.

Selain berasaskan kepada unsur-unsur budaya Melayu, pendidikan nilai juga mencerminkan hasrat Pendidikan Nasional dan Hasil Pendidikan yang Diingini.

Nilai murni teras yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- | | |
|-------------------|---------------------------|
| • Adil | • Hormat-menghormati |
| • Baik hati | • Kasih sayang |
| • Berdikari | • Patriotik |
| • Bekerjasama | • Rasional |
| • Berkeyakinan | • Rajin/tekun |
| • Berani | • Semangat kemasyarakatan |
| • Berjimat cermat | • Toleransi |

Pendidikan Nasional pula mengandungi enam perutusan seperti yang berikut:

1. **Singapura adalah tanah air kita; di sini tempat kita.**
Kita mahu mengekalkan warisan dan cara hidup kita.
2. **Kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama.**
Walaupun kita terdiri daripada berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya, kita mempunyai nasib yang sama.
3. **Kita mesti mendukung meritokrasi dan sifat amanah.**
Ini bermakna peluang bagi semua, mengikut kebolehan dan usaha mereka.
4. **Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap Singapura.**
Kita mesti mencari jalan sendiri untuk bertahan dan mencapai kemakmuran.
5. **Kita sendiri yang mesti mempertahankan Singapura.**
Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan kita.
6. **Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita.**
Dengan bersatu, berazam dan bersedia, kita akan membina masa depan yang cerah bagi diri kita sendiri.

Pengisian dan Inisiatif Merentas Kurikulum

Pengisian dan Kemahiran Merentas Kurikulum terdiri daripada elemen yang menggabungkan perkembangan terkini dalam pendidikan yang meliputi aspek semangat inovasi dan keusahawanan, kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi dan Kepelbagaian kecerdasan. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh pelajar dalam dunia pekerjaan.

1. Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada pelajar melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya pelajar pada masa depan. Kemahiran berfikir dalam bahasa adalah seperti yang berikut:

- | | |
|--|---|
| • Mencirikan | • Mengitlak |
| • Mengumpulkan, menyusun, mengkategorikan | • Membuat analogi |
| • Membuat kaitan dan hubungan | • Membuat inferens |
| • Membandingkan dan membezakan | • Membuat kesimpulan |
| • Menyusun atur | • Menginterpretasi, mentafsir |
| • Mengenal pasti kenyataan benar dan palsu | • Mengenal pasti idea utama dan idea sokongan |
| • Membezakan fakta dengan pendapat | • Menilai |

- Menganalisis
- Mengesan kecondongan pendapat
- Mengenal pasti sebab dan akibat
- Meramal
- Mencerakin
- Menjana idea
- Merumus, meringkas
- Membuat keputusan
- Menyelesaikan masalah

2. Semangat Inovasi dan Keusahawanan

Semangat inovasi dan keusahawanan (I&E) dapat melengkapkan pelajar dengan keperibadian yang kental untuk menghadapi cabaran-cabaran kehidupan serta bertindak balas terhadap perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan Negara. Dengan memupuk semangat I&E, pelajar bersedia untuk bersaing di peringkat global apabila mereka menghadapi dunia pekerjaan. Pemupukan semangat I&E ini boleh dilakukan melalui pembinaan kemahiran sikap pelajar dengan ciri-ciri yang berikut.

- semangat inkuiri dan berfikir
- kesediaan melakukan sesuatu dengan cara bukan konvensional walaupun risikonya adalah kegagalan
- keperibadian yang kental, berkebolehan untuk bangkit dan cuba sekali lagi
- kesediaan untuk bertindak dalam kumpulan, memimpin kumpulan dan berjuang sebagai satu kumpulan
- menyumbang kembali kepada masyarakat.

3. Kepelbagaian Kecerdasan

Pelbagaian Kecerdasan merangkumi verbal-linguistik, logikmatematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan pelajar dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza-beza.

4. Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada pelajar. Kemahiran ini membolehkan pelajar menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan memperoleh dan memilih maklumat yang terdapat dalam Internet.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Pengajaran bertujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu kepada pelajar. Keberkesanan mengajar diukur berdasarkan sejauh mana hasil pembelajaran dapat dicapai melalui proses pengajaran yang dirancang dan dilaksanakan.

Pembelajaran merangkumi aktiviti mental, fizikal atau rohani yang dilalui oleh pelajar. Pembelajaran ialah proses yang dilalui oleh individu untuk memahami sesuatu konsep atau proses dan menggunakan, mengembangkan atau mengaplikasikannya bagi tujuan pemahaman, penggunaan atau penilaian. Proses pembelajaran berkembang secara berterusan dan tekak. Keberkesanan pembelajaran diukur berdasarkan sejauh mana pelajar dapat menggunakan dan menunjukkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dalam aplikasi.

Pengajaran dan pembelajaran merupakan satu bentuk komunikasi dua hala yang melibatkan guru dan pelajar. Kedua-duanya bertindak untuk memastikan bahawa pengajaran dan pembelajaran berlaku seperti yang dirancang.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) menyarankan pendekatan komunikatif. Guru perlu memilih kaedah dan teknik yang sesuai dalam melaksanakan pengajaran dan merancang proses pembelajaran berdasarkan pendekatan yang digunakan. Beberapa contoh teknik diberikan dalam Lampiran A.

Pendekatan Komunikatif

Pendekatan komunikatif merupakan pendekatan yang dapat memenuhi tuntutan kecekapan dan keterampilan berbahasa pelajar yang mempelajari bahasa ketiga. Pendekatan ini menekankan penggunaan bahasa bagi tujuan komunikasi. Dengan perkataan lain, semua komunikasi yang dilakukan mempunyai matlamat sosial (tujuan, fungsi) seperti memberikan arahan, bertanya maklumat, memujuk atau meyakinkan orang lain. Bahasa merupakan interaksi interpersonal dan mempunyai hubungan dengan masyarakat. Pendekatan komunikatif menjurus kepada penggunaan (fungsi) bahasa dalam konteks, sama ada konteks linguistik (apa yang diungkapkan oleh penutur sebelum dan sesudah sesuatu wacana) atau konteks sosial/konteks situasi (siapa yang berkata, kedudukan sosial mereka dalam budaya bangsa, mengapa mereka berbual).

Pendekatan komunikatif disusun mengikut fungsi, situasi, konteks, khalayak dan tujuan komunikasi seperti meminta, menjemput, melapor, menafikan, bercerita, menyatakan dan memberikan arah. Fungsi, situasi dan konteks menolong pelajar berkomunikasi di dalam bilik darjah atau dalam kehidupan seharian dengan lebih berkesan.

Tatabahasa diterapkan secara tidak langsung agar pelajar dapat menguasai bahasa dengan lebih baik. Tatabahasa tidak diajar secara struktural tetapi mengikut keperluan dalam suatu pengajaran ketika pelajar ingin mengungkapkan sesuatu hasrat, pujukan, perintah, larangan atau pendapat dengan kata-kata, secara lisan atau tulisan.

Kecekapan berbahasa bukan sahaja memberatkan kecekapan linguistik atau tatabahasa semata-mata tetapi juga mengambil kira kecekapan sociolinguistik, kecekapan pragmatik dan kecekapan strategik. Untuk mencapai matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa ketiga, ini, guru perlu mengambil kira keempat-empat komponen kecekapan komunikatif.

Kecekapan Komunikatif

1. Kecekapan linguistik

Kecekapan linguistik merujuk kepada keupayaan pelajar menguasai bentuk-bentuk tatabahasa, kosa kata, sistem bunyi dan ejaan.

2. Kecekapan sociolinguistik

Kecekapan sociolinguistik merujuk kepada keupayaan pelajar menggunakan pengetahuan dan kemahiran bahasa dalam konteks sosial dan budaya seperti kesantunan bahasa, peribahasa, ungkapan dan laras bahasa.

3. Kecekapan pragmatik

Kecekapan pragmatik ini merujuk kepada hal-hal berkenaan dengan fungsi bahasa dan penghasilan pertuturan yang berlaku dalam interaksi. Mimik muka, pergerakan anggota badan dan penggunaan laras bahasa yang sesuai merupakan kecekapan pragmatik yang perlu dikuasai oleh pelajar. Kecekapan pragmatik juga memperlihatkan keupayaan pelajar menyusun dan menggabungkan idea secara kohesi dan menggunakan idea-idea tersebut dalam komunikasi.

4. Kecekapan strategik

Kecekapan strategik merujuk kepada keupayaan pelajar menggunakan beberapa strategi apabila komunikasi gagal difahami. Strategi yang boleh digunakan termasuklah strategi linguistik, strategi sociolinguistik dan strategi pragmatik seperti yang telah diterangkan. Kecekapan ini penting sebab pengalaman dan tahap kefasihan berbahasa seseorang itu tidak bererti dia tahu semua tentang bahasa tersebut. Strategi seperti mengulangi sebutan, melakonkan makna, meminta penjelasan, membaca secara imbasan dan gerak isyarat meningkatkan kecekapan berbahasa.

Prinsip-prinsip Pendekatan Komunikatif

1. Pelajar mengetahui tujuan aktiviti yang dilakukannya

Guru perlulah merancang aktiviti yang memerlukan pelajar menggunakan bahasa untuk berkomunikasi. Aktiviti tersebut perlulah bermakna dan wujud dalam kehidupan sehari-hari. Contohnya, dalam pengajaran membaca, pelajar perlu membaca dan mengumpulkan maklumat untuk disampaikan kepada rakan. Penyampaian maklumat boleh dilakukan secara tulisan atau lisan. Dalam pelajaran ini, pelajar diterangkan tujuan aktiviti agar pelajar dapat mengaplikasikannya dalam interaksi sosial yang sebenar.

2. Pengajaran bahasa dibuat dalam konteks wacana

Guru mengajar bahasa melampaui batas ayat agar pelajar boleh berkomunikasi dengan berkesan. Tatabahasa dan kosa kata diserapkan dalam penggunaan dan tidak diajar secara pencilan. Guru perlu mewujudkan situasi di dalam bilik darjah yang membolehkan pelajar berkomunikasi berdasarkan pelbagai situasi dan tujuan.

Ciri-ciri Pendekatan Komunikatif

Secara umum, ciri-ciri pendekatan komunikatif adalah seperti yang berikut.

- menggunakan hanya bahasa sasaran
- komunikasi merupakan teras pengajaran
- menekan konteks bahasa yang digunakan
- menekankan makna dalam proses pengajaran
- menekan fungsi bahasa dalam konteks linguistik
- menekankan fungsi bahasa dalam konteks sosial/situasi
- kemahiran berbahasa diperoleh melalui proses cuba dan ralat
- mementingkan konteks, situasi, fungsi dan khalayak
- berlaku interaksi antara pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran
- melakukan kegiatan di dalam bilik darjah yang bentuknya interpersonal

PENGAJARAN TATABAHASA, KOSA KATA DAN PERIBAHASA

Tatabahasa dan kosa kata diperlukan untuk menjalankan aktiviti komunikasi. Dalam pengajaran bahasa yang menggunakan pendekatan komunikatif, pengajaran tatabahasa dan kosa kata tertumpu kepada fungsi penggunaan kedua-dua aspek ini dalam konteks. Pengajaran tatabahasa dan leksikal secara kontekstual mengupayakan pelajar menggunakan bahasa Melayu dengan cara yang lebih bermakna. Kaedah ini juga membolehkan pelajar membuat kaitan dengan pengetahuan sedia ada pelajar dalam bahasa pertama atau bahasa ibundanya.

Prinsip Pengajaran Tatabahasa

1. Pengajaran induktif

Pengajaran secara induktif lebih sesuai, yakni peraturan-peraturan tatabahasa dapat disimpulkan oleh pelajar daripada bahan-bahan yang dipelajari. Contohnya, pola-pola ayat yang ditimbulkan daripada teks atau latihan yang digunakan dalam pengajaran dapat ditiru semula oleh pelajar secara tidak langsung dalam pertuturan.

2. Fokus pada penggunaan

Tatabahasa diajarkan berdasarkan penggunaan dan mengikut konteks. Pelajar diajar bentuk, makna dan fungsi sekaligus dalam penggunaan bahasa. Untuk memperlihatkan pelbagai fungsi penggunaannya, perkataan tersebut digunakan dalam pelbagai bentuk ayat dalam konteks yang berbeza.

3. Penekanan pada keempat-empat kemahiran bahasa

Tatabahasa diajarkan secara integratif dalam keempat-empat kemahiran bahasa kerana dengan cara begini pelajar dapat memahami penggunaannya dalam konteks yang bermakna. Keempat-keempat kemahiran dibina bersama tanpa memberikan tumpuan yang lebih kepada salah satu kemahiran tersebut. Namun, pendedahan yang lebih akan diberikan pada kemahiran mendengar dan bertutur pada peringkat menengah rendah.

4. Pemerolehan bahasa secara berperingkat-peringkat

Struktur bahasa penting bagi menyampaikan maklumat yang boleh difahami oleh pendengar atau pembaca. Walaupun komunikasi melibatkan penggunaan struktur yang betul tetapi dalam membetulkan kesilapan bahasa, guru haruslah melakukannya secara berperingkat-peringkat. Pembetulan kesilapan bahasa pelajar perlu dilakukan dengan teliti dan berhati-hati agar tidak membunuh kemahuan dan minat pelajar untuk

berkomunikasi. Cara ini memberikan peluang kepada pelajar menguasai bahasa secara bertahap-tahap berdasarkan kemampuan mereka.

Prinsip Pengajaran Kosa kata dan Peribahasa

1. Secara kontekstual

Untuk membolehkan pelajar menghayati kosa kata dan peribahasa, pelajar perlu didedahkan kepada kosa kata dan peribahasa tersebut dalam konteks yang digunakan dalam sesuatu wacana. Kosa kata tidak digunakan secara tersendiri atau setakat diberikan definisi tetapi diperkenalkan dalam satu wacana komunikatif. Pelajar diajar untuk mengaitkan kosa kata baharu yang diaplikasikan dalam penggunaan yang bermakna.


2. Strategi menerangkan maksud

Guru tidak digalakkan hanya menggunakan kamus untuk menerangkan maksud kosa kata dan peribahasa. Guru perlu menggunakan pelbagai strategi untuk menerangkan maksud kosa kata dan peribahasa yang diajar. Contohnya, guru boleh menggunakan strategi yang berikut.

- menggunakan gambar atau objek
- memberikan klu secara kontekstual
- membuat kaitan melalui antonim, sinonim, kumpulan perkataan
- memberikan beberapa contoh penggunaan kosa kata dalam ayat


PEMERANCAHAN PENGAJARAN

Pemerancahan ialah sokongan yang diberikan kepada pelajar untuk mencapai hasil pembelajaran. Fungsi pemerancahan adalah sebagai alat membantu pelajar mempelajari kemahiran baharu. Namun, setelah pelajar menguasai sebahagian besar kemahiran yang hendak diajar, pelajar bergerak secara sendiri dengan menggunakan kemahiran yang sudah dikuasainya itu untuk mempelajari kemahiran atau isi yang baharu. Guru hanya membimbing pelajar apabila dia merasakan pelajar tidak mampu melaksanakan tugas tanpa bantuan. Konsep pemerancahan digambarkan dalam rajah di bawah ini.



Konsep Pemerancahan

Bagi pelajar yang tidak mempunyai asas dan pengalaman berbahasa Melayu, pengajaran dan pembelajaran perlu dibina dari bawah untuk memberikan sokongan linguistik dan sosiolinguistik. Oleh itu, kemahiran asas bahasa dan kecekapan komunikatif diajar secara bertahap-tahap untuk membina pengetahuan pelajar. Pemerancahan dapat digambarkan dalam rajah yang berikut.



Pemerancahan Mengikut Peringkat

Dalam merangka pelajaran, guru perlu mengambil kira perkara-perkara yang berikut:

Konteks

Pada peringkat Menengah 1 dan Menengah 2, pelajar didedahkan kepada konteks dan situasi yang konkrit dan menyentuh hal-hal yang nyata tentang diri pelajar atau melaksanakan tugas yang mudah seperti memesan makanan di restoran. Pelajaran lebih tertumpu kepada latih tubi. Pada peringkat Menengah 3 dan Menengah 4, pelajar didedahkan kepada situasi yang lebih abstrak dan tidak boleh diramal seperti perbincangan isu-isu semasa.

Isi

Isi pelajaran, pada peringkat menengah rendah menyentuh hal-hal konkrit contohnya, maklumat dan pengalaman peribadi, minat dan hobi. Pada peringkat menengah atas, pelajar lebih yakin membincangkan pelbagai topik yang diminati dan isu-isu yang abstrak. Sesuatu topik boleh juga dibincangkan pada peringkat menengah rendah dan diulangi lagi pada peringkat menengah atas. Contohnya, topik keluarga. Pelajar dari menengah

1 mungkin membicarakan tentang bilangan anggota keluarganya dan nama-nama ahli keluarga tetapi belum mampu menceritakan dengan lebih lanjut tentang setiap anggota keluarga. Pelajar menengah 2 pula akan membicarakan kegiatan yang dilakukan oleh keluarganya. Pelajar menengah 3 pula mungkin membicarakan rancangan masa depan keluarganya. Pelajar menengah 4 pula akan membicarakan peranan ahli keluarganya dan membuat penilaian.

Tugasan

Pada peringkat menengah rendah, objektif tugas dirancah daripada yang mudah kepada yang kompleks. Pada peringkat Menengah 1, fungsi seperti menamakan benda, atau menggunakan kata sapaan merupakan antara tugas yang dapat dilaksanakan oleh pelajar. Pada peringkat Menengah 2 pula, pelajar diberikan tugas yang lebih mencabar seperti memberikan respons atau bertanya dan menjawab soalan untuk mendapatkan maklumat. Pada peringkat Menengah 3, pelajar dapat melaksanakan tugas yang memerlukan membuat penerangan dalam perenggan. Pada peringkat Menengah 4, pelajar melaksanakan tugas yang lebih kompleks seperti memberikan pandangan dan alasan.

AKTIVITI

Melalui aktiviti, pelajar dapat membina kecekapan berbahasa. Aktiviti yang dibina dapat memperlihatkan keupayaan pelajar melaksanakan tugas untuk tujuan komunikasi. Dengan pendekatan komunikatif, kemahiran bahasa boleh digabungkan untuk menghasilkan satu pengajaran yang bermakna dan ada kaitan dengan penggunaan dalam konteks. Dalam memilih aktiviti, guru perlu mewujudkan situasi yang sesuai yang menggunakan kemahiran-kemahiran berbahasa itu.

Terdapat dua peringkat dalam membentuk aktiviti komunikatif:

Peringkat	Aktiviti	Penerangan
Peringkat Pertama	Aktiviti Prakomunikatif • Aktiviti struktur • Aktiviti ke arah komunikatif	Peringkat pertama pelajaran dimulakan dengan model bahasa dalam bentuk situasi dan keadaan terkawal. Latihan yang diberikan bermatlamat untuk membina bahasa yang boleh digunakan untuk tujuan berkomunikasi dengan khalayak yang khusus.
Peringkat Kedua	Aktiviti Komunikatif • Aktiviti komunikatif berfungsi • Aktiviti interaksi sosial • Penerangan	Pada peringkat kedua, guru menyuruh pelajar mengaplikasikan situasi yang dijadikan model bagi konteks dan khalayak yang berbeza-beza. Aktiviti membolehkan interaksi pelajar dengan pelajar dan mengurangkan interaksi pelajar dengan guru. Pada masa yang sama, fokus pada tatabahasa, kosa kata dan budaya diberikan tumpuan agar pelajar memahami wacana dan laras yang digunakan. Penerangan mengenai tatabahasa cukup sekadar tujuan penggunaan bagi situasi dan konteks tersebut.

Perancangan pengajaran contoh yang mudah bagi pelajar menengah 1 adalah seperti yang berikut:

Induksi

1. Guru membahagikan kad nama yang berbeza-beza kepada pelajar.
2. Guru memberikan contoh:
 - Selamat pagi/petang/sejahtera.
 - Nama saya Johan.
 - Siapakah nama awak?

Aktiviti Utama

3. Pelajar mendengar rakaman perbualan antara dua orang pelajar penutur jati pada hari pertama mereka berada di sekolah menengah.
4. Guru boleh menerangkan ucap selamat dalam budaya Melayu dalam pelbagai konteks sosial dan perbezaannya dengan konteks bahasa masyarakat majmuk Singapura.
5. Guru menerangkan bahagian tatabahasa yang difokuskan serta struktur ayat yang digunakan dalam rakaman perbualan tadi.

Aktiviti Lanjutan

6. Pelajar diberikan teks bagi dialog yang telah dirakamkan tadi. Pelajar menjawab soalan-soalan yang berikut:
 - Siapakah yang sedang berbual?
 - Berapakah umur mereka?
 - Apakah yang sedang mereka bualkan?

Dalam aktiviti komunikatif, pelajar boleh diberikan tugas yang memerlukan mereka berkomunikasi untuk menyelesaikan sesuatu tugas atau masalah. Dalam aktiviti seperti ini, pelajar berinteraksi sesama mereka seperti menyoal, menjawab, memberikan keterangan, memberikan pendapat, memujuk, menolak pendapat teman dengan sopan atau menceritakan sesuatu. Beberapa contoh aktiviti diberikan adalah seperti yang berikut.

Aktiviti 1

Secara berpasangan pelajar diberi dua set gambar yang berbeza. Pelajar A dan Pelajar B bersoal jawab untuk mengenal pasti seberapa banyak perbezaan yang terdapat pada gambar-gambar tersebut.

Aktiviti 2

Situasi: Di dalam kereta api

Pelajar bermain peranan secara berpasangan. Pelajar A berlakon sebagai penumpang kereta api yang ingin mengetahui jadual berangkat dan harga tiket. Manakala pelajar B berlakon sebagai petugas di kaunter tiket yang mempunyai maklumat tersebut. Pelajar berinteraksi dengan berpanduan kad masing-masing.

Aktiviti 3:

Guru memainkan rakaman tiga orang penutur yang memberikan pendapat yang berbeza tentang sesuatu topik. Guru menyediakan tiga tugas mendengar bagi setiap penutur. Pelajar dibahagi kepada tiga kumpulan dan setiap kumpulan mendengar rakaman masing-masing sambil mengambil nota. Kemudian, setiap pelajar bertukar-tukar kumpulan dan memainkan peranan penutur tadi.

Aktiviti 4:

Situasi: Hotel

Aktiviti: Main peranan

Maklumat untuk Pelajar A:

Pada suatu petang, anda tiba di sebuah hotel. Anda berjumpa penyambut tetamu hotel itu dan bertanya sama ada bilik kosong masih ada atau tidak. Tanyakan harga bilik itu. Beritahunya berapa malam anda akan menginap di hotel tersebut.

Maklumat untuk Pelajar B:

Anda penyambut tamu sebuah hotel yang terkenal kerana pekerjaannya yang ramah-tamah. Hotel tersebut mempunyai dua bilik tidur kosong, satu bilik untuk penginapan satu orang dan satu bilik lagi untuk penginapan dua orang. Harga bilik untuk seorang ialah \$200 dan untuk dua orang \$250 untuk satu malam. Di belakang hotel ada tempat meletak kereta. Hotel anda menyediakan sarapan pagi bagi pelanggannya.

Aktiviti 5

Pertukaran Maklumat

Pelajar dibahagikan kepada kumpulan. Sekurang-kurangnya ada empat orang (A, B, C, D) dalam satu kumpulan. Setiap kumpulan memilih pusat beli-belah dan mereka membincangkan sebab memilih pusat tersebut dan menyenaraikan keistimewaannya. Kemudian, setiap anggota berpecah dan pergi ke kumpulan lain untuk menceritakan tentang pusat beli-belah pilihan kumpulan mereka.

TUGASAN

Pendekatan komunikatif turut memberikan tumpuan kepada pembelajaran berasaskan tugas. Hal ini memberikan penekanan kepada pelajaran secara komunikatif melalui interaksi pelajar dengan menggunakan bahasa Melayu.

Menyediakan Tugas

Prinsip dan amalan pembelajaran berasaskan tugas ini adalah seperti yang berikut:

Pemerancahan

Pelajaran dan bahan dapat menyediakan perancah yang menyokong pembelajaran. Pada peringkat permulaan proses pembelajaran, pelajar tidak diminta untuk menghasilkan bahasa yang belum diperkenalkan secara eksplisit atau implisit.

Kebergantungan

Dalam satu pelajaran, setiap tugas dibina atas tugas yang sudah dilakukan. Tugas dibina secara berurutan dan mengambil kira prinsip penerimaan dan penghasilan. Pada tahap permulaan, pelajar meluankan masa yang lebih melaksanakan aktiviti penerimaan (mendengar dan membaca) daripada penghasilan (bertutur dan menulis).

Menggunakan semula

Menggunakan semula bahasa dapat memaksimumkan pembelajaran. Pelajar tidak mungkin dapat menguasai kemahiran bahasa seratus peratus pada kali pertama dia diperkenalkan kepada sesuatu kosa kata, item tatabahasa, ungkapan atau ayat. Dengan ini, pelajar diperkenalkan kepada unsur-unsur bahasa tersebut sekali lagi pada masa-masa yang sesuai. Penggunaan semula unsur-unsur ini membolehkan pelajar menggunakan bahasa dalam pelbagai situasi dan konteks. Dengan cara ini, pelajar dapat melihat bagaimana sesuatu unsur bahasa berfungsi dalam konteks yang berbeza.

Pembelajaran aktif/ Pembelajaran melalui pengalaman

Pelajar belajar secara berkesan dengan menggunakan bahasa yang dipelajari secara aktif. Pelajar belajar dengan lebih baik apabila pelajar dapat mengalami pembelajaran dengan mengambil bahagian dalam pembelajaran tersebut.

Penggabungjalinan

Bentuk linguistik, fungsi bahasa dan makna dilakukan secara gabung jalin.

Penghasilan Kreatif

Pelajar digalakkan menggunakan bahasa secara kreatif dan tidak hanya tertumpu pada penghasilan model bahasa yang diberikan oleh guru, buku teks atau alat bantuan mengajar yang lain. Dalam tugas kreatif, pelajar boleh menghasilkan pantun, sajak atau penulisan naratif. Namun, pada peringkat permulaan, proses pengajaran perlu disusun dengan teliti.

Renungan

Pelajar diberi peluang untuk merenung apa yang sudah dipelajari oleh mereka dan tahap pencapaian dan pemahaman mereka.

Guru perlu memastikan bahawa tugas yang diberikan itu membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dan berpeluang untuk menggunakan bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Komunikasi merupakan ciri penting dalam membina tugas. Beberapa bentuk, fungsi dan aktiviti tugas contoh diuraikan seperti yang berikut.

Tugas Kefahaman Mendengar

Untuk menepati obektif ini, guru perlu mengambil kira enam fungsi kefahaman mendengar yang disusun berdasarkan taksonomi pembelajaran. Berikut ialah enam fungsi kefahaman mendengar:

FUNGSI	HURAIAN
Mengenal	Mengenal bahagian-bahagian mesej, contohnya, mengenal perkataan, golongan kata, kosa kata
Mengorientasi	Mengenal fakta penting dalam teks, contohnya, mengenal watak/penutur, situasi, topik, intonasi, jenis teks
Memahami idea utama	Memahami idea utama dalam teks lisan contohnya, memahami idea utama iklan barangan
Memahami butir-butir	Memahami maklumat khusus, contohnya, memberikan penerangan, membuat perbandingan dan menyatakan perwatakan
Memahami sepenuhnya	Memahami idea utama dan maklumat sokongan, contohnya, memberikan contoh, huraian
Menghasilkan	Menghasilkan teks lisan dalam bentuk tulisan atau menghasilkan tulisan yang serupa

Keenam-enam fungsi mendengar ini dapat digabungkan dengan tugas yang berikut:

RESPONS	HURAIAN
Melaksanakan	Memberikan respons secara fizikal
Memilih	Memilih gambar yang sesuai, menyusun gambar yang tepat, memadankan produk dengan penerangannya
Memindahkan	Melukis apa yang didengar
Menjawab	Menjawab soalan berdasarkan maklumat yang didengar
Meringkaskan	Menyiapkan nota ringkas, mengambil nota, menulis kapsyen berdasarkan gambar yang diberikan
Menyambung	Menyambung cerita, mengubah atau menambah teks
Meniru	Meniru sebahagian daripada bahan yang didengar
Modeling	Memberikan contoh-contoh daripada teks dan menghasilkan sesuatu teks yang baharu
Berinteraksi	Berinteraksi berdasarkan teks dalam pertuturan bersemuka

Tugasan saranan bagi kefahaman mendengar

Peringkat	Tugasan
Menengah 1-2	• Aktiviti pramendengar • Mendengar dengan bantuan visual • Memadankan gambar • Mengisi penyusun grafik • Mengimlak • Mendengar untuk mendapatkan idea utama • Mencari klu (perkataan, pola ayat, isi) • Memberikan respons fizikal/kinestetik • Membuat inferens • Menguji kefahaman
Menengah 3-4	• Memparafrasa • Mengambil nota • Membuat ringkasan • Mengenal pasti faktor sosiolinguistik • Memberikan reaksi, pandangan dan pendapat

Tugas Bertutur

Dalam menyediakan tugas bertutur, guru perlu mengambil kira kecekapan komunikatif yang telah diterangkan. Terdapat enam jenis kelakonan pertuturan.

JENIS	TUGASAN
Peniruan	• Pelajar secara individu belajar menyebut perkataan, menggunakan intonasi dan jeda yang sesuai. Tugas ini bukan bertujuan untuk interaksi tetapi lebih berfokus pada bentuk-bentuk bahasa.
Intensif	• Pelajar secara berpasangan belajar menyebut perkataan atau ayat menggunakan intonasi dan jeda yang sesuai. Tugas ini bukan bertujuan untuk interaksi tetapi lebih berfokus pada bentuk-bentuk bahasa secara individu.
Responsif	• Pelajar menjawab soalan secara singkat dan biasanya tidak berkembang kepada satu perbualan.
Transaksi (dialog)	• Pelajar menyampaikan mesej atau maklumat tentang sesuatu perkara yang khusus. Tugas ini merupakan lanjutan daripada jenis responsif. Perbualan mempunyai unsur-unsur tindak balas.
Interpersonal (dialog)	• Pelajar berkomunikasi dalam satu interaksi sosial. Pelajar belajar bagaimana memberikan respons secara spontan dan mengenal pasti unsur-unsur sosio-budaya, sindiran, peribahasa, laras formal dan tidak formal dan berbual kosong.

Tugas Membaca

Tugas membaca secara interaktif dan komunikatif memerlukan strategi membaca yang berkesan. Bagi pelajar yang tidak ada latar bahasa Melayu, proses mengenal, menyebut huruf dan perkataan dalam bahasa Melayu perlu diperkenalkan kepada pelajar. Pada masa yang sama, guru perlu juga mengajarkan strategi merujuk atau membuat inferens untuk meramalkan makna dalam teks.

Beberapa strategi membaca boleh digunakan untuk memahami sesebuah teks. Antaranya adalah seperti yang berikut:

Membaca teks secara luncuran untuk mendapatkan idea utama

Pelajar diajar cara menggunakan mata untuk melihat keseluruhan teks untuk mendapatkan idea utama. Strategi ini membolehkan pelajar meramal tujuan teks tersebut, topik utama atau mesej sebelum pelajar membaca secara fokus.

Membaca teks secara imbasan untuk mendapatkan maklumat khusus

Pelajar membaca teks secara imbasan untuk mendapatkan maklumat khusus dalam teks. Pelajar mencari tarikh, nama orang, definisi, atau senarai butir-butir penting dalam teks. Tujuan membaca cara ini adalah untuk mengenal pasti maklumat khusus yang dikehendaki tanpa membaca keseluruhan teks dengan teliti.

Pemetaan semantik

Pelajar diajar memeta idea atau peristiwa. Strategi ini bertujuan untuk mengumpulkan dan menyusun maklumat atau idea dalam bentuk yang bermakna dan mudah difahami.

Tugasan Penulisan

Aktiviti penulisan tidak hanya memberatkan produk penulisan itu sahaja tetapi juga proses penulisan. Contoh-contoh aktiviti menulis adalah seperti yang berikut:

AKTIVITI	FUNGSI
Menerangkan topik dengan visual	Berdasarkan gambar, pelajar mengenal pasti dan menyenarai dan memberikan penerangan ringkas
Menerangkan topik dengan visual yang dihasilkan oleh pelajar	Menerangkan teks/topik, membicarakan kegemaran
Mengisi borang	Menamakan dan menyenaraikan menu restoran
Menulis sajak dengan panduan yang diberikan	Menulis sajak berdasarkan templat yang diberikan
Menulis cerita berdasarkan senario	Menulis cerita yang mempunyai plot
Menulis deskriptif	Melaporkan cerita berfakta
Menulis karangan berdasarkan temu ramah	Menulis tentang keluarga, impian, rancangan masa hadapan
Menulis nota dan surat	Menulis berdasarkan senario
Menulis dialog, poskad, catatan	Menulis berdasarkan dialog atau senario

BAHAN PENGAJARAN

Pemilihan bahan pengajaran amat penting dalam pengajaran komunikatif. Dalam pengajaran komunikatif, pendekatan pembelajaran berasaskan tugas memerlukan bahan pengajaran yang dapat menepati objektif komunikatif. Dalam pembelajaran berasaskan tugas ini, fokus utama adalah menyediakan bahan pengajaran yang dapat menggalakkan penggunaan bahasa yang autentik di dalam bilik darjah.

Bahan Autentik

Bahan autentik dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran sebab pelajar didedahkan kepada penggunaan bahasa yang sebenar. Namun, penggunaan bahan autentik perlu dipilih dengan berhati-hati, terutama sekali pada peringkat menengah rendah sebab pelajar belum menguasai kosa kata dan struktur bahasa dengan meluas. Semasa memilih bahan, guru perlu mempertimbangkan beberapa perkara, antaranya:

- bahan sesuai dengan isi kandungan yang hendak disampaikan
- bahan sesuai dengan peringkat umur pelajar dan kepelbagaian keupayaan pelajar
- maklumat dalam bahan jelas dan menarik
- bahasa yang digunakan dalam bahan ialah bahasa baku dan sesuai dengan tahap kognitif pelajar
- bebas daripada *bias* (jantina, bangsa dan agama).

Beberapa contoh penggunaan bahasa autentik diberikan di bawah ini:

a) Peringkat Menengah 1.

Bahan autentik seperti brosur, jadual, menu, iklan audio atau video, penyiaran berita yang ringkas dan tajuk berita boleh digunakan. Tugas yang diberikan perlulah mudah. Sebelum menggunakan bahan tersebut, guru perlu mendedahkan pelajar kepada kosa kata yang utama yang berkaitan dengan bahan tersebut untuk membina keyakinan pelajar.

b) Peringkat Menengah 2 dan 3.

Penggunaan artikel, berita dari televisyen dan radio (lima minit), iklan yang mengandungi bahan abstrak, filem dan mesej boleh digunakan. Pramengajar termasuklah pendedahan tentang kosa kata yang digunakan dalam bahan. Namun, pelajar yang sudah didedahkan dengan pendekatan kontekstual diharapkan akan dapat menangani kosa kata yang baharu dengan merujuk kepada konteks penggunaannya.

c) Peringkat Menengah 4

Guru mempunyai kebebasan memilih bahan yang dapat memenuhi keperluan pelajar. Pada peringkat ini, guru mengajar pelajar strategi menangani kosa kata baharu dengan keyakinan.

Buku Teks

Buku teks merupakan salah satu bahan pengajaran yang menyokong pembelajaran. Buku teks yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Singapura memaparkan standard dan kualiti bahasa yang digunakan sebagai ukur tara dan perlu dikuasai oleh pelajar. Namun, guru perlu akur bahawa pengajaran dan pembelajaran tidak hanya bergantung pada buku teks sahaja. Guru perlu tahu mengolah, mengadaptasi atau membuat penyesuaian bahan yang terdapat dalam buku teks atau bahan-bahan lain berdasarkan keperluan dan keupayaan pelajar.

Pita Rakaman Audio dan Video

Guru boleh menghasilkan sendiri rakaman audio dan video atau membeli bahan yang sesuai di pasaran. Beberapa pertimbangan seperti jangka masa, isi, bahasa dan kualiti rakaman perlu diambil kira. Selain pendedahan kepada penggunaan bahasa, bahan audio dan video ini amat sesuai digunakan untuk penyerapan sosio-budaya dalam pertuturan dan perlakuan bahasa.

Teknologi Maklumat (IT)

Pengajaran dengan menggunakan IT membolehkan pelajar belajar secara sendiri atau berpandu. Penggunaan IT menyeronokkan dan membolehkan pelajar menggunakan pelbagai sumber dan gaya pembelajaran. Pembelajaran berbantuan IT juga membolehkan pelajar meneroka bahasa yang dipelajarinya. Selain itu juga, penggunaan IT merupakan kemahiran kehidupan yang amat penting dalam dunia hari ini. Pembelajaran menggunakan IT ini termasuklah e-mel, blog, e-diari, *podcast* dan *vodcast*.

PENILAIAN

Penilaian merupakan aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian berupaya memberikan maklumat tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Melalui penilaian, guru dapat menentukan pencapaian matlamat pengajaran dan pelajar dapat mengetahui tahap keupayaannya.

Sesuai penilaian yang dijalankan harus mencerminkan matlamat Sukatan Bahasa Melayu (Program Khas) yang ditetapkan. Pada akhir pendidikan sekolah menengah, penilaian yang digunakan harus berupaya memberikan gambaran tentang kebolehan pelajar menggunakan bahasa Melayu baku secara berkesan dalam pelbagai konteks, tujuan dan khalayak. Penilaian harus juga dapat mencerminkan kebolehan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif serta keupayaan pelajar memperoleh dan menyampaikan maklumat, idea dan perasaan secara berkesan melalui penggunaan bahasa Melayu baku.

Dalam proses pembelajaran, sesuatu penilaian yang dijalankan bertujuan untuk memantau dan mengenal pasti kelakonan dan keperluan pelajar secara berterusan. Hal ini dapat membantu pelajar mempertingkatkan kelakonannya dalam pelajaran. Penilaian yang dilaksanakan dapat memberikan maklumat balas yang kualitatif tentang kemajuan pelajar. Dengan yang demikian, keupayaan dan keperluan pelajar dalam pembelajaran dapat dikenal pasti dan tindakan susulan dapat dilaksanakan dengan segera. Selanjutnya, guru dapat merancang strategi pengajaran bagi memenuhi keperluan pelajar.

Tujuan Penilaian

Secara umum, objektif sesuatu penilaian yang dijalankan merangkumi perkara-perkara yang berikut:

Pelajar dapat:


- mengetahui pencapaian matlamat pembelajaran
- mengukur kemajuan peribadi
- mengenal pasti kekuatan dan kelemahan
- merangsang pencapaian yang lebih tinggi.

Guru dapat:

- mengetahui pencapaian objektif pengajaran
- mengetahui keberkesanan pengajaran dan membuat penyesuaian
- memantau kemajuan pelajar bagi tujuan laporan
- menganjurkan program pemulihan, pengukuhan dan pengayaan.

Hubungan antara Pengajaran dan Pembelajaran dengan Penilaian

Penilaian merupakan bahagian penting dalam program pendidikan. Perspektif holistik penilaian dapat digambarkan dalam rajah yang berikut.



Pengajaran, pembelajaran dan penilaian bertindak balas antara satu sama lain bagi mencapai matlamat yang dijangkakan. Penilaian haruslah dilakukan untuk mengukur pencapaian pelajar tentang apa yang sudah dipelajarinya.

Prinsip Penilaian

Penilaian yang baik mempunyai ciri-ciri yang berikut:

1 Kesahan

Kesahan merujuk kepada takat sesuatu penilaian bagi memenuhi tujuannya. Dari segi kesahan, penilaian mestilah dapat mengukur perkara-perkara yang hendak dinilai dan bukan perkara lain. Penilaian merupakan contoh yang mewakili kandungan sukatan pelajaran dan hanya menguji aspek-aspek yang terkandung di dalam sukatan pelajaran.

2 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan dalam penilaian merujuk kepada ketekalan dalam pelaksanaan berdasarkan ciri-ciri penilaian. Penilaian yang boleh dipercayai seharusnya mencerminkan keupayaan sebenar pelajar dan tidak mempunyai unsur diskriminasi; contohnya, jantina, budaya dan bangsa.

3 Keobjektifan

Keobjektifan sesuatu penilaian bermaksud tafsiran yang sama bagi sesuatu kertas ujian oleh setiap pelajar. Pemarkahan tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti jantina, kaum, paras, latar belakang dan sosioekonomi.

4 Kebolehtadbiran

Kebolehtadbiran merujuk kepada kelicinan pentadbiran sesuatu ujian dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti susulannya. Kebolehtadbiran merangkumi faktor kos seperti masa, tenaga dan wang. Penilaian yang akan dijalankan mestilah tidak menggunakan masa, tenaga dan perbelanjaan yang di luar kemampuan.

5 Keberkesanan

Keberkesanan sesuatu penilaian itu bergantung pada kebolehan penilaian tersebut membezakan tahap pencapaian pelajar. Untuk ini, kriteria pemarkahan harus dinyatakan dengan jelas.

6 Positif dan Konstruktif

Penilaian harus dapat mengenal pasti secara sistematik kekuatan, kelemahan, cara belajar, keperluan, minat, sikap dan usaha pelajar. Penilaian juga memberikan maklumat bagi tindakan susulan yang sesuai dan segera bagi pelajar.

Kaedah Penilaian

Penilaian yang dijalankan mempunyai peranan tertentu dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Jika guru ingin mengetahui tahap pencapaian yang berbeza antara pelajar, guru perlu menggunakan ujian rujukan norma. Sebaliknya, jika guru ingin mengetahui penguasaan kemahiran setiap pelajar, guru mestilah menggunakan ujian rujukan kriteria. Berikut ialah penerangan ringkas tentang kedua-dua kaedah penilaian ini.

a. Ujian Rujukan Kriteria

Ujian Rujukan Kriteria mengukur pencapaian seseorang pelajar dengan kriteria atau ukuran yang telah ditentukan. Kriteria-kriteria tersebut dijadikan tahap pencapaian dan sasaran yang digunakan oleh guru untuk menentukan sama ada seseorang pelajar telah menguasai sesuatu kemahiran. Ujian Rujukan Kriteria digunakan untuk mengetahui sejauh mana pelajar telah menguasai sesuatu kemahiran yang disasarkan.

b. Ujian Rujukan Norma

Ujian Rujukan Norma merujuk kepada ujian yang mengukur pencapaian seseorang pelajar berbanding dengan pencapaian pelajar lain dalam kelas atau peringkat. Dalam pelaksanaan penilaian peringkat sekolah, ujian rujukan norma digunakan untuk penilaian yang bersifat sumatif seperti

dalam ujian pada akhir tahun untuk tujuan pemilihan dan penempatan pelajar.

Jenis Penilaian

Penilaian terdiri daripada tiga jenis, iaitu penilaian diagnostik, penilaian formatif dan penilaian sumatif.

a . Penilaian Diagnostik

Penilaian diagnostik boleh dijalankan sebelum sesuatu pengajaran dilakukan, biasanya pada awal penggal persekolahan. Tujuan penilaian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti minat, gaya belajar, kecenderungan, keupayaan dan pengetahuan sedia ada pelajar. Guru boleh menggunakan pelbagai kaedah penilaian sama ada secara lisan, kertas dan pena dan melalui pemerhatian. Laporan balik yang diperoleh daripada penilaian ini dapat membantu guru memilih dan menggunakan bahan-bahan pengajaran, kaedah dan aktiviti yang sesuai dengan keperluan dan kesediaan pelajar.

b. Penilaian Formatif

Penilaian formatif dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian formatif harus menggabungkan penilaian formal dan informal secara berterusan dan saling melengkapi untuk memanfaatkan pelajar. Maklumat yang diperoleh dapat memberikan maklum balas tentang sejauh mana sesuatu hasil pembelajaran telah dikuasai oleh pelajar. Oleh itu, guru dapat mengetahui kelemahan dan kekuatan serta potensi seseorang pelajar dan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

Untuk membantu dan membina kecekapan pelajar berbahasa, penilaian yang dianjurkan ialah penilaian untuk pembelajaran. Penilaian ini menjadi bahagian penting dalam rancangan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam hal ini dan mengamalkannya di bilik darjah.

Penilaian ini bertujuan untuk memantau kemajuan pelajar secara berterusan dan interaktif. Dalam proses pembelajaran, guru berpeluang memberikan maklum balas bermutu kepada pelajar. Dengan yang demikian dapat dikenal pasti keupayaan dan keperluan pelajar dalam pembelajaran. Selanjutnya guru dapat merancang aktiviti pengajaran yang sesuai untuk meningkatkan pencapaian pelajar.

Berikut ialah beberapa prinsip bagi penilaian untuk pembelajaran:

- Ⓢ perlu memberikan tumpuan pada cara pelajar belajar
- Ⓢ harus peka dan bersifat membina
- Ⓢ mengambil kira kepentingan motivasi pelajar
- Ⓢ menggalakkan pelajar agar mempunyai iltizam untuk mencapai tujuan pembelajaran
- Ⓢ memberikan panduan yang membina kepada pelajar tentang cara untuk mempertingkatkan kemajuan
- Ⓢ membentuk keupayaan pelajar dalam penilaian supaya mereka boleh membuat refleksi dan mengurus diri.

Dalam melaksanakan penilaian untuk pembelajaran secara berkesan, guru perlu melakukan perkara-perkara yang ada kaitan dengan pelaksanaannya, antaranya termasuk:

- Ⓢ benar-benar mengenali pelajar mereka, mengetahui sebab mereka melakukan kesilapan dan berupaya membuat keputusan untuk tindakan susulan
- Ⓢ berkongsi objektif pembelajaran dengan pelajar dan menggunakan objektif tersebut sebagai garis panduan untuk memeriksa kerja pelajar atau memberikan maklum balas
- Ⓢ memperuntukkan masa untuk menilai kerja mereka dan kerja pelajar
- Ⓢ menggalakkan pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka dengan menyediakan peluang-peluang untuk pelajar menerangkan strategi dan tindakan yang digunakan dalam menentukan kemajuan mereka dalam pembelajaran
- Ⓢ menyediakan pelbagai contoh kemahiran, sikap, standard dan mutu untuk pelajar sebagai panduan untuk mencapai matlamat yang diingini
- Ⓢ menganalisis kelakonan pelajar seperti dalam ujian dan menggunakan maklumat yang diperolehi bagi merancang pembelajaran pada masa depan
- Ⓢ berasa yakin ketika menjalankan pengajaran dalam kelas
- Ⓢ menyediakan rancangan yang memberikan penekanan kepada:
 - objektif pembelajaran dan berkongsi objektif tersebut dengan pelajar
 - kriteria penilaian bagi tujuan maklum balas, pemarkahan, penilaian teman sebaya
 - kumpulan pelajar dalam kelas yang mempunyai keupayaan pelbagai
 - pengenalanpastian pelajar yang memerlukan kerja tambahan dan pengukuhan.

c. Penilaian Sumatif

Penilaian sumatif dikaitkan dengan penilaian pada akhir semester atau tahun. Penilaian ini memberikan nilai yang membezakan pencapaian antara seorang pelajar dengan pelajar yang lain dan sering kali digunakan

dalam membuat pemilihan, contohnya bagi tujuan penempatan. Pada masa yang sama, hasil daripada penilaian sumatif merumuskan penguasaan pelajar pada keseluruhannya bagi satu sesi pembelajaran dalam satu semester atau dalam satu tahun.

Guru perlu menggunakan kedua-dua jenis penilaian, iaitu sumatif dan formatif untuk mendapatkan data, informasi dan maklum balas menyeluruh tentang perkembangan pelajar. Kedua-dua jenis penilaian ini (formatif dan sumatif) perlu diseimbangkan. Penilaian formatif dan sumatif boleh dijalankan melalui tiga cara yang berikut:

Pemerhatian

Kaedah pemerhatian digunakan untuk menilai aspek-aspek yang sukar dikesan melalui kaedah lisan dan penulisan seperti:

- nilai
- amali
- kemahiran bersosial/interaksi komunikasi/aksi
- kemahiran belajar

Tujuan pemerhatian harus membolehkan guru menilai sikap serta penguasaan murid terhadap sesuatu kemahiran. Maklumat daripada pemerhatian boleh membantu guru melengkapkan gambaran tentang perkembangan menyeluruh pelajar.

Contoh aktiviti yang boleh dijalankan:

- perbincangan
- pembentangan
- persembahan
- perkongsian

Lisan

Kaedah lisan digunakan untuk mengumpulkan maklumat semasa berlakunya perkara yang berikut:

- interaksi antara pelajar dengan guru
- interaksi antara murid dengan pelajar
- respons pelajar terhadap bahan pembelajaran.

Antara aspek yang boleh dinilai secara lisan termasuklah:

- kecekapan mendengar dan bertutur
- penggunaan bahasa yang tepat
- penggunaan sebutan baku
- gaya persembahan

Penilaian lisan membolehkan guru mengesan kemajuan dan pencapaian pelajar dalam kemahiran mendengar dan bertutur secara gramatis, mengesan kelancaran dalam sebutan serta mengesan sikap pelajar. Guru boleh mendapat maklumat serta-merta tentang pengetahuan dan kefahaman pelajar.

Contoh aktiviti yang boleh dijalankan:

- bacaan kuat
- syarahan
- perbahasan
- bercerita
- perbincangan
- temu bual
- soal jawab
- penyampaian hasil kerja projek
- bacaan puisi

Pena dan kertas

Kaedah pena dan kertas digunakan untuk mengesan kemahiran bahasa dan perkembangan intelek pelajar yang meliputi kemahiran seperti yang berikut:

- kemahiran menulis
- menyusun idea
- mengembangkan idea utama dan sampingan
- menggunakan tanda baca
- menggunakan kosa kata yang sesuai
- mengaplikasikan aspek-aspek tatabahasa dalam penulisan
- meramal
- mentafsir
- menilai
- membuat perbandingan
- menyelesaikan masalah
- membuat keputusan

Penilaian secara pena dan kertas melibatkan aktiviti menyemak dan memeriksa tugas dan hasil penulisan pelajar seperti:

- karangan
- laporan projek
- portfolio
- latihan dan ujian bertulis

Berikut diberikan penerangan tentang portfolio yang boleh menjadi salah satu aktiviti bagi penilaian secara pena dan kertas.

Portfolio

Portfolio ialah koleksi tugas pelajar yang bertujuan untuk mempamerkan usaha, perkembangan dan kejayaan pelajar kepada pelajar tersebut dan pelajar-pelajar lain. Portfolio bukanlah sekadar koleksi tugas secara rambang yang dimasukkan ke dalam fail. Setiap portfolio mempunyai tujuan dan fokus. Portfolio boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berikut:

- alat bagi perbincangan dengan rakan sebaya, guru dan ibu bapa
- mempamerkan kemahiran dan pemahaman pelajar
- peluang bagi pelajar membuat renungan tentang hasil tugas mereka
- peluang untuk menilai matlamat kini dan mengenal pasti matlamat yang baharu
- dokumentasi perkembangan pelajar, kebolehan, sikap dan ekspresi diri
- mempamerkan gaya belajar dan kecerdasan pelbagai
- memberikan pelajar peluang memilih apa yang penting untuk disertakan dalam portfolio
- bukti untuk menilai dan mengikuti perkembangan pembelajaran pelajar
- hubungan antara pengetahuan sedia ada dan pembelajaran baharu.

Jenis Portfolio

Penyusunan dan kandungan portfolio berbeza bagi setiap tujuan dan jenis portfolio:

- Ⓢ Penulisan – contoh hasil penulisan (mengikut urutan tarikh) untuk menunjukkan proses dan produk
- Ⓢ Proses – draf-draf tugas dengan produk akhir tugas untuk menunjukkan perkembangan
- Ⓢ Literasi – gabungan tugas membaca, menulis, bertutur dan mendengar
- Ⓢ Tugas Terbaik – pilihan tugas terbaik oleh pelajar dan guru
- Ⓢ Topik – satu topik pembelajaran (penulisan sajak, golongan kata atau jenis ayat)
- Ⓢ Tahunan – hasil tugas setahun untuk menunjukkan perkembangan murid
- Ⓢ Kerjaya – hasil tugas/maklumat diri (latar belakang, rekomendasi, anugerah) untuk membantu mendapatkan pekerjaan
- Ⓢ Standard – bukti untuk menunjukkan kemahiran/pengetahuan yang sudah dicapai oleh pelajar.

Jumlah tugas dalam portfolio

Dalam proses pemilihan hasil kerja pelajar, guru boleh menggunakan kriteria yang berikut:

- Ⓢ Pelajar memilih satu hasil kerja daripada awal tahun dan satu hasil kerja yang sama (topik, kemahiran dan sebagainya) pada akhir tahun. Guru memberikan komen tentang perbezaannya. Tujuannya adalah untuk memantau kemajuan pelajar.
- Ⓢ Pelajar memilih satu hasil kerja yang paling disukai dan menerangkan sebab pemilihan itu dibuat.
- Ⓢ Pelajar memilih satu hasil kerja yang paling tidak disukai dan menerangkan sebab pemilihan itu dibuat.
- Ⓢ Pelajar memilih satu hasil kerja yang akan 'memeranjatkan/menghairankan' orang lain dan menerangkan sebab pemilihan itu dibuat.

Pelaksanaan Penilaian

Pelaksanaan penilaian mengambil kira langkah-langkah yang berikut:

1. Merancang

- Ⓢ Guru perlu mengenal pasti objektif dan hasil pembelajaran yang hendak dinilai. Penentuan hasil pembelajaran ataupun tahap-tahap kemahiran bergantung kepada:
 - konteks atau tajuk yang hendak dinilai
 - peringkat kebolehan pelajar yang hendak dinilai
 - kewajaran aras kesukaran
- Ⓢ Guru mengenal pasti kemahiran dan pengetahuan yang hendak dicapai oleh pelajar. Langkah ini merupakan langkah yang penting. Guru perlu menentukan perkara-perkara yang berikut:
 - Apakah yang sudah diketahui oleh pelajar?
 - Apakah yang sudah dilakukan oleh pelajar?
 - Apakah kemahiran dan pengetahuan yang perlu diketahui oleh pelajar sebelum memilih hasil pembelajaran yang ingin dicapai?
- Ⓢ Guru mengenal pasti kaedah penilaian yang dapat menilai kemahiran dan pengetahuan setepat mungkin. Guru mesti menentukan salah satu cara kaedah penilaian untuk menilai kemahiran dan pengetahuan dengan tepat bagi sesuatu unit atau keperluan pelajar. Guru boleh menggunakan beberapa kombinasi jenis kaedah.

Contohnya:

Guru hendak menilai kecekapan pelajar menggunakan kata tanya ketika membentuk soalan. Penilaian kelakonan digunakan untuk menilai cara pelajar menggunakan kata tanya dalam konteks.

Kelakonan pelajar itu dipadankan dengan indikator yang ditentukan oleh guru untuk melihat tahap pencapaian pelajar.

2. Membina Instrumen Penilaian

Guru menentukan dan membina tugas atau alat penilaian yang berbentuk soalan atau penerangan yang menghendaki pelajar menunjukkan kemahiran dan pengetahuannya. Instrumen yang dibina hendaklah sesuai dengan hasil pembelajaran yang ingin dicapai.

3. Melaksanakan

Dalam melaksanakan penilaian, guru perlu menerangkan kepada pelajar tentang proses penilaian yang hendak dijalankan. Contohnya, dalam tugas penulisan, pelajar diberikan penerangan tentang keperluan merancang, menulis draf, menyunting dan menyemak penulisan mereka.

4. Menganalisis

Guru menganalisis maklumat yang diperoleh hasil daripada penilaian. Maklumat yang diperoleh melalui instrumen yang dibina seperti senarai semak, kertas jawapan dan sebagainya, boleh ditukarkan dalam bentuk gred untuk tujuan melapor. Ketika menganalisis maklumat, guru perlu mengesan perkembangan pelajar secara menyeluruh untuk menentukan tindakan susulan.

5. Merekod

Merekod ialah aktiviti mencatat maklumat secara sistematik berkaitan dengan perkembangan, keupayaan, kemajuan dan pencapaian pelajar. Maklumat dalam rekod perlu dikemas kini dari masa ke masa untuk memudahkan guru membuat rujukan. Maklumat dalam rekod perlu dianalisis dan ditafsir untuk tindakan susulan. Merekod boleh dibuat dalam bentuk pernyataan, markah, gred dan sebagainya.

6. Melapor

Melapor bertujuan untuk menyampaikan maklumat penilaian dari masa ke masa tentang perkembangan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap pencapaian pelajar. Maklumat untuk pelaporan diperoleh daripada rekod penilaian. Pelaporan perlu untuk memberitahu pelajar, pihak sekolah dan ibu bapa tentang tindakan susulan yang akan diambil untuk perkembangan pembelajaran pelajar selanjutnya.

7. Menentukan Tindakan Susulan

Tindakan susulan adalah aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan. Aktiviti pemulihan dirancang bagi membantu pelajar mengatasi masalah pembelajaran agar kelemahan pelajar tidak terus terhimpun. Aktiviti pengukuhan menyumbang kepada pengukuhan pengetahuan dan kemahiran yang telah dikuasai. Aktiviti pengayaan dirancang untuk memberikan peluang kepada pelajar menjalani aktiviti yang lebih mencabar.

8. Memantau

Guru perlu memantau perkembangan pelajar secara menyeluruh untuk mengesan kekuatan dan kelemahan pelajar setelah beberapa pelajaran. Tujuan pemantauan adalah agar masalah pembelajaran pelajar tidak terhimpun agar pelajar boleh dibantu dan terus maju dalam pembelajaran.

Alat-alat Penilaian Formatif (Penilaian Untuk Pembelajaran)

Antara alat yang boleh digunakan dalam menjalankan penilaian untuk pembelajaran termasuklah:

❖ Senarai Semak

Senarai semak mengandungi matlamat yang ingin dicapai dalam tugas. Senarai aspek-aspek yang ingin dicapai disenaraikan dan guru menentukan sama ada aspek-aspek tersebut diperlihatkan oleh pelajar. Senarai semak boleh digunakan oleh guru untuk menilai keberkesanan pengajaran atau menilai kemajuan pelajar. Senarai semak juga boleh digunakan oleh pelajar untuk menilai rakan sebaya atau membuat penilaian sendiri.

❖ Borang Renungan

Borang renungan sendiri memberikan peluang untuk pelajar merakamkan perasaan dan fikiran tentang pembelajaran yang dilaluinya atau tugas yang dihasilkannya.

❖ Rekod Anekdot

Penilaian jenis ini merakamkan pemerhatian guru terhadap kelakonan pelajar berdasarkan kemahiran dan objektif pembelajaran yang ditetapkan oleh guru. Guru memerhatikan pelajar dalam kemahiran-kemahiran tertentu lalu merakamkannya dalam bentuk nota. Guru menilai pembelajaran pelajar serta memberikan komen yang membina agar pelajar dapat membaiki

kelemahannya. Cara ini juga dapat merakamkan perkembangan pelajar secara berterusan.

❖ Temu Bincang

Ada tiga jenis temu bincang yang boleh dilakukan oleh guru.

- Temu bincang pelajar dengan guru
Temu bincang antara pelajar dengan guru membolehkan guru dan pelajar memberikan maklum balas tentang pembelajaran, pencapaian dan perkembangan pelajar.
- Temu bincang ibu bapa dengan guru
Temu bincang antara ibu bapa dengan guru membolehkan kedua-dua pihak memberikan maklum balas tentang pembelajaran, pencapaian dan perkembangan pelajar.
- Temu bincang pelajar, guru dengan ibu bapa
Temu bincang antara pelajar, guru dengan ibu bapa membolehkan ketiga-tiga pihak memberikan maklum balas tentang perkembangan pelajar tersebut.

❖ Rubrik

Rubrik merupakan sejenis panduan memarkah yang menggunakan kriteria-kriteria penilaian yang lebih kompleks atau subjektif. Rubrik menilai kemahiran-kemahiran spesifik yang mungkin tidak dapat dinilai dalam peperiksaan. Rubrik menerangkan secara terperinci tahap perkembangan dan pencapaian pelajar. Rubrik boleh digunakan untuk pemarkahan kumpulan dan individu. Rubrik ini boleh menggunakan skala nombor atau pun deskriptor yang menggunakan kriteria yang hendak dicapai.

Jenis-jenis rubrik termasuklah:

- Holistik – untuk mengetahui kelakonan pelajar secara umum
- Analitik – untuk mengetahui kelakonan secara khusus berdasarkan kriteria yang ditentukan.

Kesemua contoh alat penilaian yang dinyatakan di atas diberikan dalam Lampiran B hingga M.

Pelibatan Pelajar Dalam Penilaian

Antara cara yang berkesan untuk membantu pelajar mempertingkatkan kelakonan dalam pembelajaran adalah dengan melibatkan mereka dalam proses penilaian. Ini dapat dilakukan dengan melibatkan mereka dalam menilai diri sendiri dan menilai rakan sebaya. Penilaian ini dapat dilakukan dengan menggunakan alat-alat penilaian seperti senarai semak, rubrik,

borang renungan, borang soal selidik dan temu bual. Dengan pemahaman tentang kemahiran atau matlamat yang perlu dicapai dalam satu-satu tugas, pelajar akan lebih fokus dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut. Guru boleh melibatkan pelajar dalam pembinaan kriteria rubrik atau alat-alat penilaian dan merangsang pelajar untuk memberikan pendapat dalam sesi sumbang saran untuk mengenal pasti kriteria yang penting dalam tugas mereka.

PERANCANGAN PENGAJARAN

Perancangan yang disediakan dengan rapi dan baik merupakan salah satu prasyarat yang penting dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Perancangan diperlukan, antara lain, untuk mengawal kegiatan yang berlaku di dalam bilik darjah; meningkatkan motivasi pelajar agar memberikan tumpuan yang lebih terhadap pelajaran dengan mengambil bahagian secara aktif; melicinkan pengurusan bilik darjah dan memudahkan tercapainya objektif pengajaran dan pembelajaran.

Guru digalakkan supaya menyediakan perancangan program Bahasa Melayu dengan teliti agar dapat menentukan aspek-aspek pengajaran, iaitu objektif, isi, strategi, aktiviti dan penilaian. Perancangan program perlu mengambil kira objektif pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) dan masa kurikulum yang diperuntukkan. Masa kurikulum yang diperuntukkan bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) di setiap peringkat ialah empat jam seminggu. Adalah disarankan kelas bagi setiap peringkat diadakan dua kali seminggu. Hal ini membolehkan guru memberikan pendedahan maksimum kepada pelajar. Namun, jumlah masa kurikulum yang diberikan merupakan satu garis panduan. Sekolah boleh menambah jumlah masa kurikulum bagi program ini berdasarkan keperluan pelajar.

Persediaan Skema Kerja/Rancangan Unit

Dalam menyediakan skema kerja/rancangan unit guru perlu melalui proses yang berikut:

🕒 Meneliti Sukatan Pelajaran

Sukatan pelajaran ini merupakan dokumen rasmi yang merangka dan memberikan garis panduan tentang mata pelajaran tersebut. Antara perkara yang terdapat dalam sukatan pelajaran ini ialah matlamat, objektif, hasil pembelajaran, organisasi dan kandungan kurikulum. Guru perlu mengetahui kandungan sukatan pelajaran agar dapat membantu mereka merancang dan menjalankan pengajaran dengan lebih efektif.

🕒 Mentafsir Sukatan Pelajaran

Selepas meneliti sukatan pelajaran, guru perlu mentafsir dan menghayati butiran-butiran penting, khususnya, objektif, kandungan, hasil pembelajaran dan pendekatan pengajaran yang telah ditetapkan. Proses ini penting kerana guru perlu memahami dan menguasai sukatan dan tahu apa yang perlu diajar atau disampaikan kepada pelajar. Contohnya, guru Menengah 2 perlu memahami dan menguasai matlamat, objektif dan hasil pembelajaran yang merujuk khusus kepada maklumat mengenai peringkat tersebut.

Ⓢ Menyediakan Skema Kerja/Rancangan Unit

Rancangan kerja yang biasanya dibina pada awal sesi persekolahan perlulah berpandukan sukatan pelajaran di samping mengenal pasti tahap kebolehan pelajar peringkat berkenaan. Guru juga perlu mengambil kira jadual perancangan tahunan sekolah, cuti penggal sekolah dan cuti umum. Ini penting bagi memastikan agihan topik-topik pengajaran dan bilangan hari persekolahan yang sebenar mencukupi bagi menghabiskan sukatan pelajaran dalam setahun. Skema kerja/rancangan unit ini biasanya diagihkan secara berpenggal. Skema kerja/rancangan unit ini meliputi:

- minggu/penggal
- tajuk pelajaran
- kemahiran
- objektif pelajaran
- hasil pembelajaran
- bahan
- catatan

Contoh skema kerja/rancangan unit yang dinyatakan terkandung dalam Lampiran N.

Ⓢ Menyediakan Rancangan Pelajaran

Guru juga perlu merancang dan menyediakan persediaan mengajar sebelum memulakan sesuatu pengajaran berdasarkan skema kerja/rancangan unit. Kemahiran yang terdapat dalam skema kerja/rancangan unit telah diperincikan untuk diajar dalam seminggu atau beberapa minggu yang terdapat dalam satu penggal. Rancangan ini mengandungi objektif, kemahiran, isi kandungan, aktiviti, bahan dan penilaian bagi setiap hari.

Rancangan Pelajaran

Setiap pelajar mempunyai kebolehan yang berbeza-beza antara satu sama lain daripada segi tahap kognitif, emosi, sosial dan psikomotor. Perbezaan ini menyebabkan tahap penguasaan pelajar dalam sesuatu kemahiran bahasa berbeza-beza. Oleh itu, pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu diadakan untuk menampung setiap kelemahan dan meningkatkan keupayaan sedia ada pelajar.

Perancangan Bahasa Melayu (Program Khas) yang disediakan harus merangkumi perancangan pengajaran yang berikut:

1. Pengukuhan

Dalam pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas), pengajaran pengukuhan dapat memantapkan lagi pemahaman dan penguasaan bahasa pelajar. Pengajaran pengukuhan dapat dilakukan dalam pelbagai

cara, sesuai dengan kemahiran yang ingin dikukuhkan. Antara teknik yang boleh digunakan ialah Pembelajaran Koperatif, penggunaan Teknologi Maklumat dan permainan-permainan bahasa yang menyeronokkan.

2. Pemulihan

Guru dikehendaki menjalankan pengajaran pemulihan untuk pelajar yang memerlukan bimbingan tambahan. Pelajar ini menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk menguasai kemahiran yang diajar sebelum berpindah kepada kemahiran yang baharu. Namun sebelum ini, guru perlu mengenal pasti pelajar yang memerlukan aktiviti pemulihan. Pencapaian hasil pembelajaran merupakan salah satu pengukuran yang tepat.

Strategi Pengajaran Pemulihan

Ada dua strategi pemulihan yang boleh dilaksanakan oleh guru.

a. Strategi Kumpulan

Pelajar dikumpulkan mengikut keupayaan masing-masing. Guru merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan keupayaan kumpulan tersebut.

b. Strategi Individu

Jika sekumpulan pelajar mempunyai masalah pembelajaran yang berlainan, maka strategi individu boleh digunakan. Guru memberikan tumpuan kepada pelajar tersebut dan memberikan bimbingan yang fokus dan secara bergilir-gilir.

3. Pengayaan

Aktiviti pengayaan boleh meluaskan pengetahuan dan pengalaman pelajar. Aktiviti ini haruslah lebih mencabar untuk mempertingkatkan keupayaan pelajar. Aktiviti yang dirancang hendaklah bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan pelajar. Guru boleh menjalankan aktiviti pengayaan secara tidak formal atau secara berstruktur bergantung pada sumber dan prasarana yang terdapat di sekelilingnya. Perkembangan teknologi dan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi memberikan lebih banyak alternatif bagi guru melaksanakan aktiviti pengayaan.

Aktiviti pengayaan boleh dianjurkan untuk menarik minat pelajar dan melalui aktiviti itu berbagai-bagai kerja susulan dapat dijalankan bagi meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Umpamanya, untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar, guru boleh merancang dan melaksanakan program bacaan luas yang berstruktur. Guru juga boleh menganjurkan aktiviti lawatan sambil belajar ke institusi atau

organisasi tertentu sama ada di dalam atau di luar negara untuk meluaskan pengalaman pembelajaran pelajar. Selain itu, perkhemahan bahasa yang memuatkan aktiviti-aktiviti bahasa dan budaya boleh dijalankan di peringkat sekolah, kelompok atau zon. Bagi memupuk minat dan meningkatkan kemahiran pelajar dalam penulisan kreatif, bengkel atau ceramah boleh dianjurkan untuk pelajar.

LAMPIRAN A

Penerangan beberapa contoh teknik pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu diberikan di bawah ini.

Teknik Latih Tubi

Teknik ini memberikan penekanan kepada aktiviti pengulangan fakta-fakta atau kecekapan yang dipelajari. Tujuannya adalah untuk mencapai taraf penguasaan kemahiran di samping menjamin kekekalan kemahiran bahasa yang hendak dikuasai oleh pelajar. Teknik ini sesuai digunakan untuk pengajaran Bahasa Melayu. Teknik ini boleh digunakan untuk mencapai sesuatu kemahiran seperti kemahiran menyebut perkataan, ayat-ayat atau mengingat fakta-fakta penting.

Melalui teknik ini, pelajar akan mengalami proses mendengar, melihat, memikirkan maksud perkataan dan fungsinya dalam situasi atau konteks penggunaan perkataan tersebut.

Berasaskan teknik pengajaran 'dengar dan sebut' (audiolingual) yang biasanya digunakan untuk pembelajaran bahasa kedua, perhatian akan diberikan kepada 5 aspek kebolehan menggunakan bahasa iaitu:

- Sebutan
Penyebutan perkataan atau suku kata dengan betul termasuk intonasi yang membawa makna dalam sesuatu situasi.
- Tatabahasa
Penggunaan bahasa yang tepat mengikut hukum-hukum bahasa daripada semua aspek.
- Kosa kata
Perluasan kosa kata dengan penggunaan imbuhan yang sesuai mengikut konteksnya dalam situasi tertentu.
- Kefasihan
Penggunaan perkataan dan frasa secara spontan tanpa memikirkan apakah maksudnya.
- Kefahaman
Latihan memahami soalan dan memberikan jawapan yang wajar.

Teknik ini amat berguna dan sesuai untuk kandungan pengajaran yang memerlukan ikutan dan ulangan.

Teknik Simulasi

Simulasi ditakrifkan sebagai satu situasi yang diwujudkan hampir menyerupai keadaan sebenar yang memerlukan pelajar berinteraksi sesama sendiri berdasarkan peranan masing-masing bagi membuat keputusan dalam menyelesaikan masalah, isu atau tugas semula. Melalui teknik ini, pelajar dapat menggunakan kemahiran belajar seperti mengumpulkan maklumat, menjalankan temu ramah dengan individu tertentu dan mencatat isi-isi penting.

Dalam proses ini, pelajar digalakkan untuk memberikan pendapat, cadangan, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah berdasarkan peranan yang dipertanggungjawabkan. Teknik ini memberikan peluang kepada pelajar mengalami sendiri situasi dan masalah. Melalui teknik ini, pelbagai kemahiran dapat digabung jalin dan dipertingkatkan terutamanya dalam kemahiran lisan, membaca dan menulis.

Teknik Permainan Bahasa

Teknik ini memberikan peluang kepada pelajar memperoleh latihan intensif, pembelajaran bermakna dan sebagai alat diagnostik. Kebanyakan aktiviti yang dijalankan akan menggunakan pelbagai kemahiran berbahasa pelajar iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Teknik ini merangsang interaksi lisan pelajar di samping menambah kefasihan dan keyakinan. Selain itu teknik ini juga bertindak sebagai alat yang dapat mengikis rasa bosan dan bertindak sebagai alat pemulihan, pengukuhan dan pengayaan.

Teknik Soal Jawab

Teknik ini membolehkan guru dan pelajar berinteraksi secara berkesan. Teknik ini dilaksanakan dengan cara guru mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan isi pelajaran dan pelajar dikehendaki memberikan tindak balas yang sewajarnya.

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru memerlukan pelajar berfikir di samping dapat menguji dan menilai apa yang diajar dan dipelajari. Namun, soalan-soalan tersebut perlulah sesuai dengan keupayaan dan kesediaan pelajar.

Tujuan utama teknik ini ialah:

- mengesan pengetahuan berbahasa pelajar
- menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif
- mendorong pelajar menyusun dan menghuraikan bahan yang diajar dan dipelajari.

Soalan yang terancang dan bermutu dapat menajamkan pemikiran pelajar di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih dinamik dan berkesan.

Teknik Bercerita

Teknik ini merupakan teknik yang dapat menarik minat dan perhatian pelajar. Melalui teknik ini, latihan pemahaman, perluasan kosa kata dan tatabahasa dapat disampaikan. Penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat dipertingkatkan.

Melalui teknik ini, perkembangan cerita perlu diberikan perhatian agar ada peringkat permulaan, kemuncak dan kesudahan cerita. Perhatian juga boleh ditumpukan pada teknik persembahan, suara, gerak laku dan kawalan mata.

Dalam teknik ini, suara memainkan peranan yang penting. Suara harus dikawal supaya tidak mendatar dan tidak menimbulkan kebosanan.

Dalam menjalankan teknik ini, guru perlu membuat persediaan yang rapi. Antara persediaan yang boleh dilakukan adalah memilih cerita yang sesuai dengan umur, kecerdasan dan minat pelajar serta berupaya menyesuaikan pula cerita dengan isi pelajaran yang hendak disampaikan.

Teknik Drama

Tujuan utama teknik ini adalah untuk melatih pelajar menggunakan unsur bahasa, unsur paralinguistik (jeda, nada dan intonasi) dan bukan linguistik (termasuk mimik muka, gerak tangan, dan kepala) dengan berkesan dalam sesuatu interaksi bahasa atau perbuatan.

Teknik drama dapat mendorong pelajar untuk menghubungkan perasaan murid dengan mata pelajaran yang dipelajarinya. Selain itu, teknik ini memberikan peluang kepada murid untuk meluahkan sesuatu, membuat penemuan dan berkongsi sesuatu. Teknik ini dapat menimbulkan keseronokan dan keberkesanan pembelajaran pelajar di samping menyuburkan perkembangan emosi pelajar.

Teknik SQ3R

Teknik ini merupakan satu kaedah membaca yang memerlukan pelajar mempersoal kesesuaian maklumat yang terdapat dalam suatu bahan yang dibaca dengan tugas yang perlu diselesaikan.

SQ3R adalah singkatan bagi:

S (*survey*) tinjau,

Q (*question*) soal/tanya,

R (*read*) baca,

R (*recite*) imbas kembali atau nyatakan secara lisan; dan

R (*review*) baca semula.

- Langkah 1 - *Survey* (tinjau) ialah langkah membaca untuk mendapatkan gambaran keseluruhan tentang apa yang terkandung di dalam bahan yang dibaca. Ini dilakukan dengan meneliti tajuk besar, tajuk-tajuk kecil, gambar-gambar atau ilustrasi, lakaran grafik, membaca perenggan pengenalan, dan perenggan terakhir di bahagian-bahagian buku atau teks.
- Langkah 2 - *Question* (soal atau tanya) ialah langkah yang memerlukan pelajar menyenaraikan satu siri soalan mengenai teks tersebut setelah mendapati teks tersebut berkaitan dengan keperluan tugas pelajar. Soalan-soalan tersebut menjadi garis panduan semasa pelajar membaca kelak. Pelajar akan cuba mencari jawapan kepada soalan-soalan tersebut.
- Langkah 3 - *Read* (baca) ialah peringkat pelajar membaca bahan atau teks tersebut secara aktif serta cuba mendapatkan segala jawapan kepada soalan-soalan yang telah disenaraikan sebelum ini. Ketika membaca, pelajar mungkin juga akan menyenaraikan soalan-soalan tambahan, berdasarkan perkembangan kefahaman dan keinginan pelajar sepanjang melakukan pembacaan.
- Langkah 4 - *Recite* (imbas kembali) ialah peringkat yang keempat. Setelah selesai membaca, pelajar cuba mengingat kembali apa yang telah dibaca dan meneliti segala yang telah diperolehi. Pemilihan maklumat yang sesuai dilakukan dalam konteks tugas yang diberikan. Pelajar juga boleh cuba menjawab soalan-soalan yang disenaraikan sebelum itu tanpa merujuk kepada nota atau bahan yang telah dibaca.
- Langkah 5 - *Review* (baca semula) merupakan peringkat terakhir. Pelajar membaca bahagian-bahagian buku atau teks secara berpilih untuk mengesahkan jawapan-jawapan kepada soalan yang dibuatnya di langkah ketiga. Pelajar juga memastikan tiada fakta penting yang tertinggal.

Teknik Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran koperatif merujuk kepada penggunaan kaedah kumpulan-kumpulan kecil bagi memaksimumkan hasil pembelajaran, sama ada secara berpasangan atau kumpulan bagi mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan bersama. Teknik ini dapat menghasilkan pencapaian dan produktiviti yang lebih tinggi dan memupuk sifat penyayang, kerjasama, hubungan yang erat – meningkatkan kemahiran sosial.

Prinsip utama di sebalik teknik ini ialah pelajar perlu sedar bahawa peranan setiap ahli dalam kumpulan amat penting bagi menentukan kejayaan kumpulan.

Berikut adalah beberapa contoh teknik pembelajaran koperatif.

a. Berfikir – Berpasang – Berkongsi

Langkah 1 - Setiap pelajar dalam kumpulan berfikir secara individu mengenai tugas yang diberikan.

Langkah 2 - Kerja berpasangan – pelajar A berkongsi dengan pelajar B; pelajar C berkongsi dengan pelajar D.

Langkah 3 - Berkongsi dengan kelas. Salah seorang anggota kumpulan menyampaikannya.

b. Berfikir – Berpasang – Berempat

Langkah 1 - Setiap pelajar dalam kumpulan berfikir secara individu mengenai tugas yang diberikan.

Langkah 2 - Kerja berpasangan – pelajar A berkongsi dengan pelajar B; pelajar C berkongsi dengan pelajar D.

Langkah 3 - Setiap pelajar berkongsi dengan kumpulan.

c. Penyiasatan Berkumpulan

Langkah 1 - Guru memperkenalkan satu masalah yang mencabar. Pelajar juga boleh membentuk masalah.

Langkah 2 - Kumpulan kecil dibentuk untuk menyiasat aspek-aspek yang berlainan tentang masalah tersebut.

Langkah 3 - Setiap kumpulan merancang cara-cara untuk melaksanakan penyiasatan.

Langkah 4 - Setiap kumpulan melaksanakan tugas sebagaimana yang dirancang oleh ahli kumpulan.

Langkah 5 - Kumpulan mempersembahkan laporan akhir kepada kelas.

Langkah 6 - Semua pelajar membuat penilaian.

d. Meja Bulat

Teknik ini digunakan untuk memberikan peluang kepada semua pelajar dalam kumpulan menyumbangkan idea atau pendapat.

Langkah 1 - Hanya sekeping kertas digunakan bagi setiap kumpulan.

Langkah 2 - Setiap pelajar bergilir-gilir menulis satu jawapan memberikan idea apabila sekeping kertas dan sebatang pensil diedarkan dalam kumpulan. Dengan cara ini, ahli-ahli kumpulan menunggu sehingga mereka mendapat kertas sebelum menulis. Ahli kumpulan tidak dibenarkan melangkau gilirannya kerana kertas itu akan diedarkan mengikut pusingan jam.

e. Pasangan Menyemak

Langkah 1 - Kumpulan 4 orang pelajar dibentuk dengan berjabat tangan. Kumpulan ini berpecah kepada berpasangan.

Langkah 2 - Seorang ahli menulis atau menyelesaikan masalah. Ahli lain memerhati dan memberikan maklum balas, huraian dan pujian.

Langkah 3 - Ahli pasangan bertukar peranan dan setelah kedua-dua ahli ini selesai, mereka membuat semakan. Jika persetujuan dicapai, mereka berjabat tangan dengan gaya dan cara pasukan masing-masing.

f. Pembelajaran Koperatif Jigsaw I

Teknik ini menegaskan pengkhususan peranan bagi setiap ahli kumpulan.

Langkah 1 - Setiap ahli kumpulan berpecah dan berbincang dengan ahli kumpulan lain untuk membentuk kumpulan pakar.

Langkah 2 - Selesai perbincangan dalam kumpulan pakar, ahli kumpulan tersebut kembali kepada kumpulan asal dan memberikan maklum balas tentang perkara yang dibincangkan dalam kumpulan pakar.

Langkah 3 - Pelajar mendapat maklum balas yang pelbagai daripada kumpulan pakar. Peranan setiap ahli kumpulan amat penting dalam memberikan gambaran sepenuhnya tentang perkara atau topik yang dipelajari.

g. *Rally Robin*

- Setiap kumpulan mengandungi empat orang: pelajar A, pelajar B, pelajar C dan pelajar D.
- Murid berbual dengan rakan sebelah atau rakan setentang.
- Setiap pelajar hanya memberikan satu idea pada satu masa dan dilakukan secara bergilir-gilir.
- Guru mengawal masa perbualan dan memastikan setiap pelajar mengambil bahagian atau memberikan pendapat mereka.
- Guru merumuskan pelajaran dengan mendapatkan pandangan daripada setiap kumpulan.

h. *Round Robin*

- Setiap kumpulan mengandungi empat orang: pelajar A, pelajar B, pelajar C dan pelajar D.
- Murid A bercakap, rakan lain mendengar. Kemudian pelajar B bercakap dan seterusnya pelajar C dan pelajar D.
- Setiap pelajar hanya memberikan satu idea pada satu masa dan dilakukan secara bergilir-gilir.
- Guru mengawal masa perbualan dan memastikan setiap pelajar mengambil bahagian atau memberikan pendapat mereka.
- Guru merumuskan pelajaran dengan mendapatkan pandangan daripada setiap kumpulan.

i. Temu Bual Tiga Langkah

Langkah 1 – Membentuk Kumpulan

Pelajar membentuk kumpulan, sebaiknya empat orang sekumpulan. Jumlah setiap kumpulan bergantung pada jumlah pelajar dalam kelas. Setiap anggota dalam kumpulan diberikan nama A, B, C, D, dan seterusnya.

Langkah 2 – Temu Bual Tiga Langkah

Pelajar A menemu bual Pelajar B;
Pelajar C menemu bual Pelajar D.
Setelah selesai, mereka bertukar peranan.

Pelajar B menemu bual Pelajar A;
Pelajar D menemu bual Pelajar C.
Temu bual ini dijalankan dalam masa tidak lebih daripada 10 minit.

Langkah 3 – *Round Robin*

Setelah semua pelajar di dalam kumpulan berpeluang menemu bual rakan mereka, langkah ketiga boleh dijalankan.

- i) Pelajar A memberitahu Pelajar C dan D tentang Pelajar B
- ii) Pelajar B memberitahu Pelajar C dan D tentang Pelajar A
- iii) Pelajar C memberitahu Pelajar A dan B tentang Pelajar D
- iv) Pelajar D memberitahu Pelajar A dan B tentang Pelajar C

Jika masih ada waktu, guru boleh meminta salah seorang ahli dalam kumpulan untuk menerangkan kepada kelas tentang salah seorang anggota dalam kumpulan mereka. Contohnya: Pelajar A dalam kumpulan boleh berkongsi maklumat tentang Pelajar C yang diperolehnya daripada Pelajar D.

**BORANG RENUNGAN
(SALINAN PELAJAR)**

Borang Renungan			
Nama:		Tarikh:	
Kelas:			
Tajuk:			
Tugasan:			
1. Tugasan ini yang terbaik bagi saya kerana			
2. Langkah-langkah yang saya ambil untuk merancang tugasan ini ialah:			
3. Ketika melakukan tugasan ini, saya menghadapi masalah yang berikut:			
4. Saya melakukan yang berikut untuk menyelesaikan masalah tersebut:			
5. Saya mendapati kekuatan saya dalam tugasan ini ialah di bahagian			
6. Saya mendapati kelemahan saya dalam tugasan ini ialah di bahagian			
7. Perkara yang perlu saya baiki dalam penulisan saya ialah			

**BORANG TEMU BINCANG GURU DENGAN PELAJAR
(SALINAN GURU / PELAJAR)**

Temu Bincang Guru dengan Pelajar	
Nama/Kelas:	Penggali:
Tarikh:	Tajuk:
1	Mengapakah kamu memilih tajuk ini?
2	Bagaimanakah kamu merancang tugas ini?
3	Dari manakah kamu mendapatkan sumber-sumber untuk membuat tugas ini?
4	Apakah masalah yang kamu hadapi ketika membuat tugas ini?
5	Adakah kamu melakukan sesuatu untuk mengatasi masalah ini? Bagaimana?
6	Bahagian manakah dalam tugas ini yang kamu suka? Mengapa?
7	Apakah kekuatan kamu dalam penulisan ini? Mengapa?
8	Bahagian manakah yang perlu dibaiki? Mengapa?
9	Bagaimanakah dapat saya membantu untuk mengatasi masalah / kelemahan kamu?
10	Apakah perkara-perkara yang telah kamu pelajari daripada tugas ini?
11	Apakah perkara-perkara yang ingin kamu pelajari selanjutnya?
10	Pada keseluruhannya, kamu telah menunjukkan kemajuan. Contohnya ...

LAMPIRAN D

**SKALA RUBRIK
(SALINAN GURU)**

Jenis Skala				
Nombor	1	2	3	4
Deskriptor	Lemah	Sederhana	Baik	Cemerlang

Contoh 4 jenis kriteria kelakonan untuk pembinaan rubrik

Kriteria	Penerangan	Deskriptor		
Kandungan	Menerangkan darjah pengetahuan tentang maklumat atau pemahaman konsep, prinsip atau isi	Tepat Sesuai Asli/autentik Mencukupi	Baik Logik Relevan	Sah Mendalam Menyeluruh
Proses	Menerangkan darjah kemahiran tentang proses atau kaedah yang digunakan	Berhati-hati Komprehensif Ringkas	Efisien Lancar Logik	Terancang Berurutan Efektif
Kualiti	Menerangkan darjah kualiti produk atau kelakonan	Menarik Kreatif Terperinci	Fokus Kemas Terancang	Tepat Unik Ekstensif
Dapatan	Menerangkan kesan keseluruhan	Bermanfaat Meyakinkan Menyentuh perasaan	Memuaskan hati Praktikal Berkesan	

LAMPIRAN E**RUBRIK HOLISTIK
(SALINAN GURU)**

Kriteria	Skor
Menunjukkan pemahaman yang baik tentang tugas. Kesemua aspek yang diperlukan ada.	4
Menunjukkan pemahaman yang hampir baik tentang tugas. Hampir kesemua aspek yang diperlukan ada.	3
Menunjukkan sedikit pemahaman tentang tugas. Beberapa aspek yang diperlukan ada.	2
Tidak menunjukkan pemahaman tentang tugas. Tidak ada aspek yang diperlukan.	1

**RUBRIK ANALITIK - MEMBACA
(SALINAN GURU)**

Kriteria	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4
Pembacaan:				
Sebutan	Banyak kesalahan dalam sebutan	Beberapa kesalahan yang ketara dalam sebutan	Menggunakan sebutan yang betul dan jelas	Menggunakan sebutan yang betul, tekal dan lancar
Intonasi	Membaca secara mendatar atau terdapat banyak kesalahan dari segi tekanan suara dan nada semasa membaca	Menggunakan tekanan suara dan nada pembacaan yang terhad atau yang kurang sesuai	Menggunakan intonasi, tekanan suara dan nada yang betul semasa membaca	Terdapat kepelbagaian dalam intonasi, tekanan suara dan nada yang sesuai semasa membaca
Mengenal pasti isi utama dan sampingan	Mengenal pasti beberapa isi utama dalam teks	Mengenal pasti beberapa isi utama dan isi sampingan dalam teks	Mengenal pasti kebanyakan isi utama dan isi sampingan dalam teks	Mengenal pasti keseluruhan isi utama dan isi sampingan dalam teks

LAMPIRAN G

RUBRIK ANALITIK - MENDENGAR DAN BERTUTUR (SALINAN GURU)

Kriteria	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4
Isi	Terdapat beberapa isi utama	Terdapat beberapa isi utama dan disokong dengan beberapa isi sampingan	Terdapat isi utama yang mencukupi dan disokong dengan isi sampingan	Terdapat isi utama yang mencukupi dan disokong dengan isi sampingan dan contoh
Tatabahasa				
Pembinaan ayat	Terdapat banyak kesalahan dalam ayat	Terdapat beberapa kesalahan yang ketara dalam ayat	Terdapat sedikit kesalahan yang ketara dalam ayat	Menggunakan ayat yang gramatis secara konsisten
Penggunaan kosa kata	Menggunakan kosa kata yang kurang sesuai dan terhad	Menggunakan kosa kata yang sesuai tetapi terhad	Menggunakan kosa kata yang sesuai dan mencukupi	Menggunakan kosa kata yang pelbagai dan sesuai
Penyusunan Isi	Menyusun beberapa isi mengikut urutan	Menyusun kebanyakan isi mengikut urutan	Menyusun kebanyakan isi secara berurutan dan bersepadu	Menyusun keseluruhan isi secara berkesan dan menarik dengan memberikan butiran sokongan yang baik

**RUBRIK ANALITIK - PENULISAN
(SALINAN GURU)**

Kriteria	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4
Isi	Memberikan satu atau dua idea yang relevan	Memberikan tiga hingga empat idea yang relevan	Memberikan isi yang cukup dan relevan dengan penerangan	Memberikan isi yang cukup dan relevan dengan penerangan yang jelas, berkesan dan meyakinkan
Maklumat latar	Memberikan beberapa maklumat latar tetapi kurang jelas	Memberikan beberapa maklumat latar dengan jelas	Memberikan maklumat latar yang mencukupi dengan jelas	Memberikan maklumat latar yang mencukupi dengan berkesan dan kreatif
Bahasa	Menggunakan ayat tunggal dan kosa kata yang kurang tepat dan terhad serta terdapat banyak kesalahan tatabahasa	Menggunakan ayat majmuk dan kosa kata yang terhad dan terdapat beberapa kesalahan tatabahasa	Menggunakan pelbagai ayat dan kosa kata yang sesuai dan mencukupi dengan sedikit kesalahan tatabahasa	Menggunakan pelbagai ayat dan kosa kata yang sesuai dan tepat serta tiada kesalahan tatabahasa
Organisasi	Beberapa idea disusun mengikut urutan	Kebanyakan idea disusun mengikut urutan	Semua idea disusun mengikut urutan	Semua idea disusun mengikut urutan dan bersepadu

LAMPIRAN I

**SENARAI SEMAK – PENULISAN DESKRIPTIF
(SALINAN PELAJAR)**

Nama:	Kelas:
Tugasan:	Tarikh:

Kriteria	Keterangan	Soalan Renungan	√
Idea	▪ Tema keseluruhan tajuk	Mesej yang ingin saya sampaikan jelas.	
		Saya telah memberikan pembaca maklumat yang cukup.	
Penyusunan	▪ Butiran/ perincian bagi menyokong tajuk ▪ Kesepaduan penulisan	Saya telah menyusun semua butiran /perincian secara urutan/mengikut kepentingan.	
		Saya telah menerangkan/ menghuraikan semua butiran/ perincian dengan baik.	
		Saya telah menulis pengenalan yang sesuai dan baik.	
		Saya telah menulis penutup yang sesuai dan baik.	
Kosa kata	▪ Pemilihan dan penggunaan perkataan dan frasa yang tepat, kaya dan menarik	Pembaca memahami perkataan dan frasa yang saya pilih dan gunakan dalam karangan.	
		Saya telah menggunakan pelbagai kosa kata yang sesuai dengan tajuk karangan.	

Ciri-ciri	Keterangan	Soalan Renungan	√
Bahasa	Menggunakan ejaan dan tanda baca dengan betul dan ayat yang gramatis	Semua ejaan saya betul.	
		Semua tanda baca saya betul.	
		Semua ayat saya gramatis.	
Teknik penulisan	Menggunakan teknik penulisan yang sesuai dengan tajuk	Saya telah menggunakan teknik penulisan yang sesuai dengan tajuk.	
		Saya telah mengekalkan teknik penulisan ini sepanjang karangan.	
Proses penyuntingan	Membaca dan menyunting karangan bagi meningkatkan mutu	Saya telah membaca dan membuat penyuntingan pada karangan.	

PENILAIAN BERDASARKAN TUGASAN

Kawasan Kejiranan Saya	Berdasarkan topik yang sudah dipelajari.
Pengetahuan/Kemahiran sedia ada	
Sinopsis aktiviti penilaian	Secara berpasangan, pelajar menghasilkan brosur tentang sebuah kawasan kejiranan
Hasil Pembelajaran	Pelajar dapat: ▪ menghasilkan brosur untuk memberikan informasi ▪ bertutur dengan menggunakan kosa kata yang sesuai dalam perbincangan
Kemahiran	Berkomunikasi untuk melaksanakan tugas-tugas yang memerlukan pertukaran maklumat yang literal berkenaan hal-hal harian
Kemahiran atau pengetahuan lain yang diperlukan:	▪ Kata adjektif ▪ Kata kerja ▪ Pengetahuan tentang kawasan kejiranan ▪ Ayat perintah ▪ Penggunaan internet dan komputer
Penilaian	
Konteks:	Pelajar menyampaikan maklumat tentang kawasan kejiranan dalam bentuk lisan dan tulisan.
Tugas 1: Brosur	Secara berpasangan, pelajar menghasilkan brosur untuk membantu pengunjung mengetahui kawasan kejiranan. ▪ Brosur mestilah mempunyai ciri-ciri yang berikut: - tajuk - pengenalan – saiz, lokasi, sejarah dan sekurang-kurangnya satu keunikan kawasan itu; penerangan lanjutan – siapa, bila, di mana, mengapa dan bagaimana - brosur mengandungi sekurang-kurangnya 4 gambar, grafik atau ilustrasi dan enam isi utama. Pembahagian tugas mestilah sama rata. - Hasil brosur akan disampaikan di depan kelas.
Tugas 2: Main peranan	Pelajar main peranan sebagai pemandu pelancong dan rakan-rakan sedarjah main peranan sebagai pelancong.

LAMPIRAN K

RUBRIK UNTUK MENILAI PERTUTURAN (MAIN PERANAN)

Peranan: Pemandu pelancong

Kriteria	1	2	3	4
Kesantunan	Tidak menggunakan aspek-aspek tersebut sama sekali	Menggunakan aspek-aspek kesantunan tersebut tetapi tidak konsisten	Menggunakan aspek-aspek kesantunan tersebut tetapi kurang konsisten ketika berinteraksi	- Menggunakan aspek-aspek kesantunan yang berikut secara konsisten ketika berinteraksi: - pengenalan - ucapan seperti 'selamat datang' dan terima kasih - sistem panggilan
Bertukar-tukar maklumat dan kefahaman	- Menyampaikan beberapa maklumat yang ditanya dengan tepat - Memerlukan bantuan sepanjang penerangan	- Menyampaikan kebanyakan maklumat yang ditanya dengan tepat - Memberikan penerangan tetapi tidak jelas dan memerlukan bantuan	- Menyampaikan semua maklumat yang ditanya dengan tepat - Memberikan penerangan dengan jelas tetapi ada kalanya memerlukan sedikit bantuan	- Menyampaikan semua maklumat yang ditanya dengan tepat, lancar dan berkesan - Memberikan penerangan dengan jelas dan terperinci dan tidak memerlukan bantuan
Sebutan	Tidak menggunakan sebutan baku dan terdapat banyak kesalahan dalam sebutan	Menggunakan sebutan baku pada kebanyakan masa dan terdapat banyak kesalahan dalam sebutan	Menggunakan sebutan baku dan terdapat sedikit kesalahan dalam sebutan	Menggunakan sebutan baku secara konsisten dan betul

Kriteria	1	2	3	4
Giliran Bertutur	▪ Gagal meminta perhatian pendengar	▪ Meminta perhatian pendengar dengan menggunakan frasa yang terhad	▪ Meminta perhatian pendengar dengan menggunakan ayat tunggal yang betul tetapi terhad	▪ Meminta perhatian pendengar dengan menggunakan pelbagai ayat yang sesuai dan betul

**SENARAI SEMAK – BERTUTUR
(SALINAN PELAJAR)**

Senarai Semak									
Tandakan [✓] dalam kurungan jika perkara-perkara yang disenaraikan ada.									
Sikap			Kemahiran Sosial			Bahasa			
1	Memberikan pandangan peribadi dengan jelas	[]	5	Bertutur mengikut giliran	[]	8	Menggunakan pelbagai kosa kata	[]	
2	Menghormati pendapat rakan dalam kumpulan	[]	6	Mencelah untuk memberikan pendapat pada masa yang sesuai	[]	9	Menjawab pelbagai soalan dengan ayat yang gramatis	[]	
3	Mendengar dengan tekun semasa rakan memberikan pendapat	[]	7	Menyatakan pandangan dengan bertatasusila	[]	10	Menggunakan sebutan baku secara konsisten	[]	
4	Mengambil bahagian dalam perbincangan kumpulan	[]							

**BORANG ANEKDOTAL
(SALINAN PELAJAR)**

Borang Anekdotal	
Nama pelajar:	Tahun:
Kelas:	Penggal:
Tarikh	Komen

**SKEMA KERJA/RANCANGAN UNIT
MENENGAH 1**

Penggal 1

Minggu	Tajuk Pelajaran	Objektif Pelajaran/Kemahiran	Hasil Pembelajaran	Bahan	Catatan
1	Bahagian tajuk merujuk kepada konteks atau topik komunikasi yang hendak diajarkan. Setiap tajuk diajarkan lebih kurang selama 2 minggu. Contohnya: Pelajaran 1: Ucapan dan Arahan	Bahagian ini menyatakan objektif yang hendak dicapai bagi mata pelajaran tersebut. Kemahiran Bertutur Contohnya: ▪ Memahami bentuk bahasa dan menggunakannya dalam konteks	Bahagian ini mencatatkan hasil pembelajaran khusus yang hendak dicapai berdasarkan objektif dan tajuk. Contohnya: ▪ Menyebut perkataan dan frasa dengan betul dalam sebutan baku yang berkaitan dengan konteks peribadi dan hal-hal harian ▪ Menyatakan kehendak seperti meminta izin dan memberikan arahan	Bahagian ini merujuk kepada bahan yang digunakan sesuai dengan aktiviti dan objektif. Contohnya: Buku Teks, Buku Kerja, ACD	Perkara-perkara lain seperti nilai, kemahiran berfikir yang hendak diterapkan dalam pengajaran. Contohnya: Nilai – berbudi bahasa ketika memberikan respons kepada arahan dan ucapan

